



# فلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.07 | SUBUH 5.17 | SYURUK 6.36 | DUHA 6.59 | ZUHUR 12.35 | ASAR 3.56 | MAGHRIB 6.32 | ISYAK 7.44

MANISNYA IMAN

DARI Aisyah Radhiallahuanha yang bermaksud :  
"Bulan yang paling dicintai oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di mana Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam akan berpuasa di dalam bulan Syaaban kemudian meneruskannya di dalam bulan Ramadan".  
(Hadis Riwayat Imam Abu Daud).

TAHUN 70 BILANGAN 16

5 FEBRUARI 2025 / 1446 شعبان ٦

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

EDISI RABU / PERCUMA

## 7 BUKU BAHARU TERBITAN PDI DILANCARKAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**GADONG**, Isnin, 3 Februari. - Sebanyak tujuh buah buku terbitan baharu Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dilancarkan pada Majlis Malam Sastera Islam sempena Sambutan Jubli Delima PDI 1406-1446 Hijrah yang diadakan malam tadi bertempat di Songket Ballroom, The Rizqun International Hotel, Gadong, di sini.

Buku-buku tersebut ialah 'Menjana Negara Sejahtera', 'Tokoh Ugama Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin', 'Antologi Cerpen Taubat dan Istighfar', 'Himpunan Ayat-ayat Al-Qur'an dan Hadits Mengenai Rahmat Allah Kepada Hamba-Nya', 'Himpunan Ayat-ayat Al-Qur'an dan Hadits Mengenai Perjalanan Hidup Manusia', 'Himpunan Ayat-ayat Al-Qur'an dan Hadits Mengenai Kezaliman' dan 'Himpunan Do'a daripada Ayat-ayat Al-Qur'an, Hadits dan Para 'Ulama'.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa merasmikan pelancaran buku-buku terbitan baharu Pusat Da'wah Islamiah (PDI) pada Majlis Malam Sastera Islam sempena Sambutan Jubli Delima PDI 1406-1446 Hijrah.

>> Muka 3

## Kementerian Pendidikan semarakkan Sambutan Israk Mikraj

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

**BERAKAS**, Isnin, 3 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum dan Urus Setia Majlis Pelajaran Kebangsaan mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Utama, Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Ketua Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Manaf.

>> Muka 5

## Manfaat perkhidmatan saringan untuk pengesanan awal, kawal kanser

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Februari. - Di Negara Brunei Darussalam (NBD), Daftar Kanser Negara Brunei Darussalam (BDCR) telah merekodkan sebanyak 794 kes kanser baru dikesan dalam kalangan warganegara dan penduduk tetap pada tahun 2023, yang mana jumlah ini meningkat dari 743 kes pada tahun sebelumnya. Pada tahun yang sama, sejumlah 351 kes kematian akibat penyakit kanser juga telah didaftarkan.

Jenis kanser yang lazim dihadapi dalam kalangan lelaki adalah kanser kolorektal (81 kes) diikuti dengan kanser prostat (36 kes) dan kanser paru-paru (28 kes). Manakala dalam kalangan wanita pula, kanser payudara (119 kes) adalah kanser yang lazim dihadapi diikuti dengan kanser kolorektal (71

kes) dan kanser rahim (63 kes).

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menyatakan perkara tersebut dalam perutusan sempena Sambutan Hari Kanser Sedunia 2025.

Hari Kanser Sedunia yang disambut pada setiap 4 Februari di seluruh dunia pada tahun ini membawa tema 'United by Unique' atau 'Bersatu berdasarkan Keunikan'. Tema ini akan dikekalkan sehingga tahun 2027 bagi mengingatkan kita bahawa setiap pesakit kanser mempunyai keperluan dan kisah unik mereka tersendiri-kisah kesedihan, kesakitan, penyembuhan, ketabahan dan banyak lagi.

>> Muka 4

## Sesi Muzakarah kongsi hala tuju strategik, fokus utama KSSUP

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Februari. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengadakan Sesi Muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang dihadiri oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Dr. Awang

Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Seramai 18 Ahli MMN yang diketuai oleh Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, hadir pada Sesi Muzakarah berkenaan yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP, di sini.

>> Muka 3



## Berita Utama



ICIFS 2025 : Meneroka peranan penting kewangan Islam

Muka 7



OPERASI Black Bull berjaya rampas 3.48kg syabu

Muka 9



112 pelajar serta Kelas Tuisyen Pengukuhan Pelajaran Ugama

Muka 12



RENCANA

LAHIRKAN belia proaktif,  
berinisiatif, kreatif

Muka 21

# CUACA AKTIF BERTERUSAN SEHINGGA 11 FEBRUARI INI

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Selasa, 4 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada di penghujung fasa separuh pertama Monsun Timur Laut (MTL), yang juga dikenali sebagai musim tengkujuh.

Negara pada lazimnya mengalami keadaan cuaca tidak menentu, dengan hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat berlaku

terutamanya pada waktu malam hingga awal pagi.

Kedua-dua cuaca aktif diramalkan masih berterusan sehingga Selasa, 11 Februari 2025. Hujan kadang-kala lebat dan berpetir dijangka berlaku sekali-sekala, menjelaskan kawasan pedalaman pada waktu petang dan berpotensi merebak ke kawasan pesisiran dan perairan pada waktu malam dan

awal pagi.

Kelajuan angin sehingga 50 kilometer sejam (kmsj) semasa atau dekat hujan. Keadaan laut pada amnya berombak di paras sederhana ke bergelora, antara 1.0 sehingga 2.5 meter.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang

diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Siaran Akbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam  
diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Kejadian tanah susur, pokok

tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang. Keadaan laut bergelora adalah berbahaya bagi operasi bot-bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu. Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi BDMD, iaitu Brunei WX, kerana, maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook (@bruneiweather), Instagram (@brunei.weather) dan saluran Telegram (Brunei Weather).



WAKTU SEMBAHYANG										
FEBRUARI MASIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5	RABU	6	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
6	KHAMIS	7	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
7	JUMAAT	8	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
8	SABTU	9	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44
9	AHAD	10	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44
10	ISNIN	11	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44
11	SELASA	12	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
RABU Bandar Seri Begawan	KHAMIS	JUMAAT
29 °C 24 °C %	31 °C 25 °C %	30 °C 25 °C %
Pekan Bangar		
29 °C 24 °C %	31 °C 25 °C %	30 °C 24 °C %
Pekan Tutong		
29 °C 25 °C %	30 °C 25 °C %	29 °C 25 °C %
Kuala Belait		
28 °C 24 °C %	29 °C 25 °C %	29 °C 24 °C %
Wallauhala Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	<a href="http://www.met.gov.bn">www.met.gov.bn</a>	

## SIDANG PENGARANG 5 FEBRUARI 2025

### Rebut keistimewaan Syaaban

TIDAK lama lagi, kita akan memasuki Ramadan dan ketika ini kita sudah berada di bulan Syaaban di mana bulan ini adalah antara bulan yang disukai oleh Rasulullah sehingga Baginda memperbanyak puasa sunat berbanding dengan bulan-bulan yang lain.

Syaaban memiliki keistimewaan tersendiri. Atas hikmat yang khusus, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam menghidupkan Syaaban dengan ibadat berupa prapersediaan bagi Ramadan. Bagi yang kuat beribadah, mereka akan bersungguh-sungguh merangkul fadilatnya dalam bentuk-bentuk yang khusus, termasuk berpuasa, sembahyang malam dan berdoa.

Maka antara amalan yang digalakkan pada bulan Syaaban adalah seperti memperbanyak puasa sunat, bertaubat dan beristighfar, zikir dan berdoa juga meningkatkan rasa kecintaan kepada Allah.

Pada bulan Syaaban ini, banyak lagi amal kebajikan yang boleh dilaksanakan sebagai persiapan kedatangan Ramadan seperti memperbanyak selawat sembahyang sunat, terutama di waktu malam banyak bersedekah dan sebagainya.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya, "Bulan itu (Syaaban) yang berada di antara Rejab dan Ramadan adalah bulan yang dilupakan manusia dan ia adalah bulan yang diangkat padanya amal ibadat kepada Tuhan Seru Sekian Alam, maka Aku suka supaya amal ibadatku diangkat ketika Aku berpuasa" (Hadis riwayat an-Nasa'i).

Selain itu, umat Islam juga diseru agar merebut keistimewaan yang terdapat pada bulan Syaaban kerana di dalamnya terdapat satu malam yang penuh berkat, rahmat dan doa dimakbulkan yang dikenali sebagai Malam Nisfu Syaaban.

Malam Nisfu Syaaban adalah antara malam-malam yang dikabulkan doa dan adapun cara menghidupkan malam Nisfu Syaaban sebagaimana yang dilakukan sekarang ini tidak berlaku pada zaman Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam juga para sahabat, tetapi ia berlaku pada Zaman Tabi'in daripada Penduduk Syam.

Kelebihan malam Nisfu Syaaban itu disebutkan di dalam hadis sahih daripada Mu'adz bin Jabal Radiallahu Anhu, bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya, "Allah menjenguk datang kepada semua makhluknya di malam Nisfu Syaaban, maka diampunkan dosa sekalian makhluknya kecuali orang yang menyekutukan Allah atau orang yang bermusuhan" (Hadis riwayat Ibnu Majah, ath-Thabarani dan Ibnu Hibban).

Sehubungan itu, dengan melihat betapa besarnya kelebihan dan keistimewaan yang terdapat pada bulan Syaaban ini, wajarlah peluang ini direbut dengan sebaik-baiknya, jangan terlalu sibuk dengan urusan dunia seperti kerja pejabat, sekolah, keluarga dan sebagainya, sehingga lalai dan leka serta tidak berpeluang merebut keistimewannya. — Ketua Penyuntingan (Zk)

Nota : Akbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان چیتقو اوله قرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# 7 BUKU BAHARU TERBITAN PDI DILANCARKAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (atas). Manakala gambar atas kanan, Yang Berhormat ketika berucap.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

## >> Muka 1

Terdahulu, PDI telah menganjurkan Peraduan Penulisan Seni Kreatif dan Non-Kreatif Berunsur Islam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446H / 2024 Masihi yang telah dibukakan kepada rakyat dan penduduk tetap di negara ini pada bulan Oktober hingga Disember tahun lalu.

Sebanyak 73 penyertaan diterima bagi Peraduan Penulisan Seni Kreatif iaitu 29 penyertaan bagi Kategori Sajak dan 28

penyertaan bagi Kategori Cerpen. Manakala bagi Penulisan Seni Non Kreatif pula adalah sebanyak 16 penyertaan bagi Kategori Rencana.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pelancaran buku-buku terbitan baru PDI ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatiha dan doa oleh Pegawai

Perkembangan Ugama, PDI, Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Sejurus pelancaran tujuh buah buku terbitan baharu PDI, majlis diikuti dengan penyampaian cenderahati dan sijil kepada para penulis buku-buku terbitan baharu PDI yang baru dilancarkan dan jemaah Hakim Peraduan Penulisan Seni Kreatif dan Non-Kreatif Berunsur Islam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1446H / 2024M.

Acara diteruskan lagi dengan penyampaian hadiah dan sijil kepada pemenang bagi Peraduan Penulisan Seni Kreatif dan Non-Kreatif Berunsur Islam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1446H / 2024M.

sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1446H / 2024M; pemenang Pertandingan Mereka Cipta e-Poster sempena Jubli Delima PDI 1406-1446H dan pemenang Kuiz sempena Jubli Delima PDI 1406-1446H anjuran Bahagian Media (Multimedia Da'wah).

Majlis turut disemarakkan dengan persembahan Deklamasi Sajak oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Diikuti oleh Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; kemudiannya oleh Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah, penerima Anugerah SEA Write (Southeast Asia Write Award); dan diikuti Deklamasi Sajak oleh pemenang Kategori Sajak bagi Peraduan Penulisan Seni Kreatif & Non-Kreatif Berunsur Islam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1446H / 2024M.

Majlis diakhiri dengan Persembahan 'Pementasan Syairdra Gemilang Da'wah' hasil karya dan lakonan daripada Urus Setia Program Keugamaan Belia, PDI. Buku-buku terbitan baharu PDI akan dijual dengan promosi potongan sebanyak 20 peratus bagi pembelian setiap sebuah buku bermula 3 Februari 2025 hingga 3 Mac 2025.

Orang ramai yang berhasrat untuk membeli buku-buku berkenaan bolehlah



mendapatkannya di Kedai Buku, Bahagian Kajian dan Penerbitan (Pemasaran), PDI, Kampung Pulaie pada setiap hari bekerja, iaitu Isnin hingga Khamis, bermula pukul 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan pukul 2.00 hingga 3.00 petang dan Sabtu bermula pada pukul 8.00 hingga 10.00 pagi.

Antara objektif Malam Sastera Islam diadakan adalah bagi memeriahkan lagi Sambutan Jubli Delima PDI 1406-1446 H dengan pengisian acara yang berkonsen Sastera Islam sebagai sarana dakwaan kesenian Islam dan membarigakan buku-buku terbitan baharu PDI.

Majlis Malam Sastera Islam dikendalikan oleh PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kajian dan Penerbitan dan merupakan salah satu rancangan tahunan diadakan setiap dua tahun sekali.

## Sesi Muzakarah kongsi hala tuju strategik, fokus utama KSSUP



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ketika berucap pada Sesi Muzakarah berkenaan.

## >> Muka 1

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap, KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; Timbalan Setiausaha Tetap I, KSSUP, Awang Haji Mohammad Yusree bin Haji Junaidi; Timbalan Setiausaha Tetap II, KSSUP, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim; pengarah-pengarah jabatan dan ketua-ketua bahagian serta pegawai-pegawai kanan kementerian berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sesi Muzakarah dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, yang antara lain mengongsikan mengenai dengan hala tuju strategik dan fokus utama dalam meningkatkan keluaran industri sumber-sumber utama dan pelancongan serta pencapaian dan sasaran keluaran sektor KSSUP.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa KSSUP menyedari akan cabaran untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan mencapai pertumbuhan yang mampan bagi sektor-sektor utama, iaitu pertanian, perikanan dan perhutanan serta pelancongan, dengan mengambil kira perubahan trend ekonomi global yang memerlukan kerjasama semua

pihak secara kolektif untuk menghadapi cabaran semasa.

Sesi Muzakarah diteruskan dengan taklimat mengenai pencapaian, perkembangan dan hala tuju sektor sumber-sumber utama dan pelancongan bagi 2024 yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap, KSSUP, diikuti dengan sesi perbincangan dan soal jawab.

Dayang Hajah Tutiaty mengongsikan mengenai fokus utama kementerian bagi mendukung pertumbuhan dan peningkatan keluaran sektor makanan. Beberapa program dan projek giat dilaksanakan ke arah meningkatkan keluaran produk makanan yang berkualiti, halal dan selamat daripada sektor makanan bagi industri primer seperti keluaran hasil industri ternakan, industri tanaman, industri penangkapan ikan, industri aquakultur serta keluaran daripada aktiviti - aktiviti industri pemprosesan dan nilai tambah berdasarkan pertanian dan perikanan.

Pencapaian 2024 juga memfokuskan kepada pencejajaan Peta Jalan Industri Makanan dengan mengukuhkan ekosistem rangkaian nilai (*value chain*) industri sektor makanan yang mempunyai impak yang berkesan untuk menyumbang secara signifikan kepada Keluaran Dalam

Negeri Kasar (KDNK), sekuriti makanan dan juga kepada pertumbuhan jumlah dan nilai eksport negara.

Walaupun pada 2024, industri makanan menghadapi cabaran tersendiri, khususnya dalam sektor perikanan. Namun, dalam setiap cabaran, terdapat peluang baharu yang boleh diteroka.

KSSUP masih dapat menembusi pasaran eksport berikut daripada kejayaan rintis pengeksportan beberapa komoditi yang terus diungkayahkan sebelum ini. Ini termasuklah peningkatan jumlah eksport telur ayam dan pengeksportan produk-produk berproses yang termasuk produk - produk berdasarkan daging ke Republik Singapura. Beberapa produk berproses juga berjaya menembusi pasaran eksport ke Sabah dan Sarawak tahun lepas.

Pihak kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakan juga memperkenalkan beberapa inisiatif sebagai sebahagian daripada komitmen terhadap pertanian yang lestari, iaitu pertanian regeneratif (Regenerative Agriculture) dan pertanian bebas racun (Brunei Pesticide Free).

Pendekatan yang menekankan penggunaan kompos dan baja organik serta penggunaan bahan-bahan semula jadi dalam pengurusan tanaman dan kawalan perosak tanaman adalah bagi mendukung 'Food Industry Roadmap' dalam mengalakkan circular economy bagi mengurangkan kesan negatif ke atas alam sekitar.

KSSUP juga mendukung usaha kemajuan dan pembangunan industri pelancongan di negara ini dan pada 2024, jumlah pelancong dari luar negara menunjukkan peningkatan yang ketara dengan rekod melebihi 92 peratus peningkatan dari 2023 yang mencerminkan kejayaan inisiatif yang dirancang oleh kementerian berkenaan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan. Inisiatif dan projek yang

diungkayahkan seperti pembangunan produk - produk pelancongan (*niche product*) fokus kepada pelancongan berteraskan kebudayaan dan semula jadi, penaiktarafan infrastruktur dan perkhidmatan pelancongan, program dukungan pengukuhan pasaran dan promosi dengan memperkenalkan pakej pelancongan di luar negara juga dilaksanakan untuk menarik lebih banyak pelancong memilih Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai salah satu destinasi pelancongan.

Ejen-ejen pelancongan dan penyedia perkhidmatan pelancongan turut menyertai pameran pelancongan antarabangsa, mengadakan sesi networking bersama ejen pelancongan luar negara dan menjemput ejen pelancongan dan influencer bagi lawatan suai kenal ke negara ini. Di samping itu juga, beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) dengan beberapa negara dan agensi telah dimeterai dalam bidang pelancongan.

Pihak kementerian melalui Jabatan Perhutanan juga akan terus memastikan agar usaha-usaha dalam membina, melindungi serta memelihara sumber hutan negara akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan aktiviti-aktiviti pembangunan negara adalah selaras dengan prinsip

pembangunan yang mampan (*sustainable development*).

Dalam memenuhi komitmen kementerian melalui Jabatan Perhutanan untuk penyelaras di bawah Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan NBD, setakat ini, inisiatif penanaman anak-anak pokok telah mencapai 37 peratus daripada sasaran 500,000 penanaman anak pokok menjelang 2035.

KSSUP juga memperkenalkan logo 'Brunei Wood' untuk meningkatkan penjenamaan dan pasaran produk perkayuan tempatan. Penggunaan logo berkenaan ke atas produk-produk perkayuan tempatan bagi mengesahkan produk tersebut adalah buatan tempatan yang telah diiktiraf berkualiti tinggi serta menggunakan bahan kayu yang dibekalkan dari sumber hutan yang mampan (*sustainable*), dan inisiatif berkenaan diharap akan meningkatkan lagi permintaan tempatan dan luar negeri kepada produk kayu NBD.

Dalam usaha KSSUP ke arah mencapai, mempelbagaikan dan meningkatkan keluaran sektor pertanian serta perikanan dan memastikan bekalan makanan adalah terjamin serta peningkatan di dalam eksport akan memerlukan sokongan, inovasi dan daya saing sektor swasta serta pelbagai pihak keseluruhannya.



SEKITAR Sesi Muzakarah berkenaan yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan.

# MANFAAT PERKHIDMATAN SARINGAN UNTUK PENGESANAN AWAL, KAWAL KANSER

- HARI Kanser Sedunia** yang disambut pada setiap 4 Februari di seluruh dunia pada tahun ini membawa tema 'United by Unique' atau 'Bersatu berdasarkan Keunikan'.
- DALAM** usaha menangani ancaman kanser di NBD, pelbagai tindakan yang merangkumi aspek pencegahan, pengesanan awal, rawatan dan penjagaan paliatif telah dan sedang dilaksanakan.
- SETIAP** individu juga perlu bertanggungjawab terhadap kesihatan mereka sendiri dengan mengamalkan beberapa langkah yang boleh mencegah atau mengurangkan risiko kanser termasuk berhenti merokok dan mengelakkan pendedahan kepada asap rokok.

## >> Muka 1

Namun, di sebalik perbezaan ini, setiap individu tetap bersatu dalam mencapai matlamat yang sama, iaitu untuk mengurangkan beban kanser, memastikan rawatan kanser yang berkesan dan menjalani kehidupan yang lebih sihat dan berkualiti walaupun sebagai pesakit kanser.

Tema ini juga menekankan akan pentingnya penyediaan penjagaan kanser yang berasaskan *people-centered*, melalui pendekatan yang penuh empati, adil dan memenuhi keperluan peribadi setiap pesakit kanser.

Yang Berhormat berkata, dalam usaha menangani ancaman kanser di negara ini, pelbagai tindakan yang merangkumi aspek pencegahan, pengesanan awal, rawatan dan penjagaan paliatif telah dan sedang dilaksanakan.

Dari segi pencegahan dan pengesanan awal, Kementerian Kesihatan melalui Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (National Health Screening Programme) yang telah diperkenalkan sejak tahun 2019, ada menyediakan perkhidmatan pemeriksaan saringan untuk beberapa jenis kanser termasuk

kanser kolorektal, kanser payudara dan kanser pangkal rahim (serviks). Saringan ini ditawarkan secara percuma bagi warganegara dan penduduk tetap NBD dan boleh didapati di kesemua daerah di negara ini.

Untuk memudahkan lebih ramai lagi individu yang layak mendaftar bagi saringan kanser-kanser tersebut tambah Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Kementerian Kesihatan juga telah memperluaskan ciri Penilaian Risiko pada aplikasi BruHealth.

Selain daripada saringan kanser kolorektal, pendaftaran untuk saringan kanser payudara secara langsung juga telah diperkenalkan melalui aplikasi BruHealth mulai bulan Ogos 2024, diikuti dengan saringan kanser serviks pada bulan Januari 2025.

Melalui ciri Penilaian Risiko ini jelas Yang Berhormat, para pengguna hanya perlu melengkapkan soal selidik untuk menentukan sama ada mereka layak atau disarankan menjalani ujian saringan. Jika disarankan, pengguna boleh terus menempah perjanjian melalui aplikasi BruHealth dan seterusnya akan menerima notifikasi yang memberi peringatan untuk menjalani saringan apabila tiba masanya.

**"Pada masa ini, rawatan berteknologi tinggi serta pengurusan dan penjagaan kanser komprehensif boleh diperoleh di negara ini melalui perkhidmatan yang tersedia di Pusat Kanser Brunei. Kepada mereka yang pernah dan sedang mengidap kanser, tetap bersabar dan cekal dengan pengurusan serta pemantauan penyakit tersebut."**

**"Bagi mereka yang terkesan oleh penyakit kanser secara langsung atau sebaliknya, berikanlah sokongan dalam apa jua bentuk kepada mereka yang memerlukannya,"** ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, pada bulan Ogos 2024, Kementerian Kesihatan juga telah mula memperkenalkan Ujian Humanpapilloma Virus (HPV) sebagai kaedah utama (primary test) untuk saringan bagi kanser serviks, menggantikan Ujian Pap yang digunakan sebelum ini.

Ujian HPV ini adalah kaedah berteknologi tinggi yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan mampu mengesan jangkitan HPV berisiko tinggi sebelum sebarang perubahan berlaku kepada sel-sel serviks.

"Jangkitan HPV adalah faktor risiko utama yang mengakibatkan kanser serviks. Salah satu kelebihan ujian ini ialah kemudahan pengambilan sampel sendiri (*self-sampling*) yang membolehkan wanita mengambil sampel menggunakan *swab* secara sendiri.

"Kaedah ini menawarkan fleksibiliti dan privasi yang lebih tinggi kepada wanita dan ia diharapkan akan dapat meningkatkan lagi kadar penyertaan saringan kanser serviks dalam kalangan wanita.

"Inisiatif ini juga mencerminkan komitmen NBD untuk menyumbang kepada strategi global WHO untuk menghapuskan kanser serviks menjelang tahun 2030 serta pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang berkaitan," terang Yang Berhormat lagi.

Selain daripada penambahbaikan pada kaedah ujian saringan dan ciri Penilaian Risiko pada aplikasi BruHealth, Kementerian Kesihatan juga telah menaiktarafkan penyediaan perkhidmatan pengimejan payudara dengan pembukaan Pusat Pengimejan Payudara di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada Ogos 2024 untuk meningkatkan keyakinan, keselesaan dan privasi para wanita.

Seterusnya, pada 15 Januari 2025 lalu, Kementerian Kesihatan telah melancarkan Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks Kebangsaan 2025 yang bertujuan untuk memberikan panduan kepada profesional penjagaan kesihatan dalam melaksanakan amalan klinikal dan rawatan yang selaras dengan piawaian yang telah ditetapkan.

"Dalam kesempatan ini, saya ingin menggalakkan dan mengalu-alukan kepada semua warga penduduk yang layak, untuk

## Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

manfaatkan perkhidmatan saringan yang disediakan secara percuma ini.

"Pengesanan awal bererti peluang untuk mendapat rawatan dan intervensi awal yang boleh menyembuhkan penyakit tersebut di peringkat awal dan mengawal penyakit tersebut daripada menular.

"Pada masa ini, rawatan berteknologi tinggi serta pengurusan dan penjagaan kanser komprehensif boleh diperoleh di negara ini melalui perkhidmatan yang tersedia di Pusat Kanser Brunei. Kepada mereka yang pernah dan sedang mengidap kanser, tetap bersabar dan cekal dengan pengurusan serta pemantauan penyakit tersebut.

"Bagi mereka yang terkesan oleh penyakit kanser secara langsung atau sebaliknya, berikanlah sokongan dalam apa jua bentuk kepada mereka yang memerlukannya," ujar Yang Berhormat.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat Menteri Kesihatan turut menekankan bahawa setiap individu juga perlu bertanggungjawab terhadap kesihatan mereka sendiri dengan mengamalkan beberapa langkah yang boleh mencegah atau mengurangkan risiko kanser termasuk berhenti merokok dan mengelakkan pendedahan kepada asap rokok.

Seterusnya, mengekalkan berat badan yang sihat; mengamalkan pemakanan sihat dengan memastikan pengambilan makana berkhasiat yang mencukupi, seperti dua hingga tiga hidangan buah-buahan dan sayur-sayuran setiap hari serta mengurangkan pengambilan makana berlemak yang berlebihan.

Di samping itu melakukan kegiatan fizikal secara tetap selama 30 minit sehari

sekurang-kurangnya lima kali dalam seminggu dan mendapatkan vaksinasi yang disarankan, termasuk vaksin HPV untuk mengurangkan risiko kanser serviks.

"Bersempena dengan Hari Kanser Sedunia tahun ini, marilah kita semua bertekad, bekerjasama dan komited untuk mengambil tindakan, di peringkat individu, komuniti atau kerajaan, untuk mengurangkan beban kanser di peringkat negara dan global.

"Penglibatan generasi muda dalam usaha meningkatkan kesedaran tentang penyakit kanser adalah penting. Pendidikan dan pendedahan awal boleh membina generasi yang lebih sedar dan komited terhadap langkah-langkah pencegahan dan pengesanan awal kanser.

"Tidak kurang pentingnya juga peranan tempat kerja dalam menggalakkan para pekerja untuk mengamalkan gaya hidup sihat dan menjalani pemeriksaan saringan kanser.

"Dengan memberikan sokongan seperti waktu bekerja yang fleksibel untuk membolehkan pekerja menghadiri perjanjian saringan atau menganjurkan aktiviti promosi kesihatan di tempat kerja bagi meningkatkan kesedaran dan mendidik pekerja tentang saringan dan manfaatnya, lebih ramai individu dapat digalakkan untuk menjalani ujian saringan.

"Dengan usaha sama bersepudu, komplikasi dan kematian akibat kanser dapat dicegah, pesakit kanser dapat menerima rawatan yang boleh menyelamatkan nyawa dan penjagaan yang saksama (*equitable care*) dapat diberikan kepada semua pesakit kanser," ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengakhiri perutusan.

# UNITED BY UNIQUE®



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**PENTING**

**IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP**

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

!

SELESAI  
TIDAK DIPERAKUAKAN

**SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR**

**DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR**

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

**BARU**

!

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.

**Perkhidmatan**  
FON: 1800-188-1888 | EMAI: [PERKHIDMATAN@SPAGOV.BN](mailto:PERKHIDMATAN@SPAGOV.BN)

Dengan ini saya mengesahkan bahawa maklumat di dalam PROFIL saya adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

Saya memahami jika maklumat di PROFIL saya tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon, maka dengan sendirinya permohonan saya tidak akan diproses.

PERKHIDMATAN tidak bertanggungjawab atas kesalahan maklumat yang dimasukkan oleh peserta.

PERKHIDMATAN tidak bertanggungjawab atas kesalahan maklumat yang dimasukkan oleh peserta.

# SOS JENAMA MANTAP BUATAN TEMPATAN DILANCARKAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**SENGKURONG**, Isnin, 3 Februari. - Mantap merupakan sebuah jenama terbaru bagi produk sos dan perasa buatan tempatan, dijangka akan dijual lebih 400 buah kedai runcit di seluruh negara bermula minggu ini.

Pelancaran produk-produk jenama Mantap ini disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, bertempat di kilang milik Atoll Agro & Cold Storage Sdn. Bhd. di Lot K8 Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP), Kilanas, Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei (BARC), Sengkurong.

Mantap, sebuah Pelaburan Langsung Asing (FDI) oleh Atoll Agro, menawarkan sejumlah tujuh rangkaian produk terdiri daripada sos tomato, sos cili, kicap soya, Sos Korean Ssamjang, mayonis, sos keju dan Sos Thousand Island.

Dengan kapasiti pengeluaran berjumlah sehingga dua tan sos setiap hari, Atoll Agro berhasrat untuk memacu usaha kepelbagaiannya (*diversification drive*) dan keselamatan makanan dengan menetapkan harga secara kompetitif berbanding import, di samping menyasarkan eksport serantau pada penghujung tahun ini.

Syarikat ini juga merancang untuk mewujudkan kira-kira 50 pekerjaan, yang terbuka kepada penduduk tempatan untuk menyokong pengembangan ini.

Pengasas Atoll Agro, Ankit Jayantibhai Patel menyatakan, pihaknya telah menjalani ujian yang ketat bukan sahaja untuk

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa menyempurnakan Pelancaran produk-produk jenama Mantap dan seterusnya menyaksikan produk-produk yang dipamerkan.

Pensijilan Halal, tetapi juga untuk mencapai standard keselamatan dan kualiti makanan antarabangsa termasuk Hazard Analysis Critical Control Points (HACCP), Good Manufacturing Practices (GMP) dan ISO22000.

"Produk kami sedia untuk eksport dan pasaran lebih besar. Pada masa hadapan, kami juga akan meningkatkan rangkaian produk kami dan memulakan eksport ke negara-negara ASEAN," ujarnya lagi.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Lembaga Kemajuan Ekonomi

Brunei (LKEB) kerana membantu dalam memudahkan projek berkenaan, selain menyatakan potensi negara untuk menarik lebih banyak FDI di Asia Tenggara.

"Sebagai pelabur asing, kami melihat potensi dalam penubuhan di Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk menyasarkan pasaran serantau, terutamanya dengan sokongan yang diterima. Kami juga melihat sinergi bekerjasama dengan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan dalam ramuan dan rantaian bekalan kami untuk membantu mengembangkan perniagaan ini dengan lebih baik," tambahnya.

Atoll Agro merupakan

sebahagian dari Atoll Group yang memulakan operasinya di negara ini pada 2011 dengan penubuhan Atoll Oxygen Sdn. Bhd. di Kuala Belait bagi membekalkan gas industri dan perubatan.

Ia mulanya dikenali sebagai Parekh Group of Companies, berasal dari India dan pada masa ini mereka sudah bertapak di beberapa negara seperti India, NBD, Afrika dan Australia.

Perniagaan syarikat ini merentas pelbagai bidang termasuk pertanian, hartaanah, hospitaliti, rantaian simpanan sejuk, pemprosesan makanan, Industri gas, peralatan industri dan kitir semula getah dan plastik.

## Kementerian Pendidikan semarakkan Sambutan Israk Mikraj

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi  
Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Utama, Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan.

### >> Muka 1

Kemuncak majlis diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Hikmah dan Pesan Peristiwa Israk dan Mikraj : Pengajaran Untuk Dunia Pendidikan' yang disampaikan oleh Penolong Kanan

Profesor, Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Mikdar Rusdi yang antara lain menceritakan tentang hikmah-hikmah yang terkandung dalam peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Wasallam.

Majlis merupakan salah satu aktiviti tahunan kementerian dalam memperingati dan menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam, di samping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan

pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai serta kakitangan Kementerian Pendidikan.

جائز سکای چو لجا بر وی دا لساده  
BDMD  
Brunei Darussalam Meteorological Department

جائز سکای چو لجا بر وی دا لساده  
NWS  
National Weather Service

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA  
KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

CERAMAH Khas disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor, Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) (kanan).



# MAJLIS SAMBUTAN ISRAK MIKRAJ TERUS DIADAKAN

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
Pejabat Peguam Negara

YANG Berhormat Peguam Negara semasa mendengarkan Ceramah Khas bertajuk 'Sembahyang Mencerdaskan Minda' disampaikan oleh penceramah undangan, Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang.



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 3 Februari. - Pejabat Peguam Negara tidak ketinggalan mengadakan Majlis Sambutan Israik Mikraj bagi Tahun 1446 Hijrah berlangsung di Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib. Turut hadir, Peguamcara Negara, Dayang Hajah Zuraini binti Haji Sharbawi dan pegawai serta kakitangan Pejabat Peguam Negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan

ayat-ayat Suci Al-Quran yang disampaikan oleh Awang Abdul Qawiyyel Azeez bin Haji Abd. Rajid. Majlis juga turut diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk

'Sembahyang Mencerdaskan Minda' disampaikan oleh penceramah undangan, Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang.

Majlis merupakan salah satu

aktiviti tahunan pejabat ini dalam sama-sama menyemarakkan Sambutan Hari Kebesaran Islam, iaitu peristiwa bersejarah Israik dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu

Alaihi Wasallam di samping mengerakkan hubungan silaturahim sesama pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara.

## Forum tingkatkan pemahaman bersedekah untuk pembinaan masjid, masyarakat



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Bahá bin Haji Umar hadir selaku tetamu kehormat majlis Forum Eksklusif yang berlangsung di Masjid Utama Mohammad Salleh. Juga hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas). Manakala gambar atas kanan, ahli-ahli panel pada forum berkenaan.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid**



anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Temburong dengan kerjasama Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dan Unit Urus Setia Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam (NBD), JHEM.

Selain itu, forum tersebut diadakan adalah bagi menyambut baik kempen meningkatkan kesedaran bagi jemaah-jemaah masjid dan orang ramai untuk turut sama memberikan sumbangan dalam pembinaan masjid di NBD melalui sumbangan derma ke dalam Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid NBD.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Bahá bin Haji Umar.

Forum pada hari tersebut

dipengerusikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Yusli bin Haji Ashli manakala ahli-ahli panel terdiri daripada Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dan Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Antara tujuan forum ini diadakan adalah untuk meningkatkan pemahaman para hadirin tentang amalan bersedekah dan seterusnya memberi penddedahan tentang kelebihan bersedekah untuk membina atau pembinaan masjid.

Di samping untuk melahirkan insan yang mempunyai sifat suka tolong menolong dan bantu membantu dengan bersedekah, acara ini juga dihasratkan untuk memupuk sifat suka bersedekah yang membawa kebaikan kepada agama, negara dan masyarakat.



**TEMBURONG**, Isnin, 3 Februari. - Dalam usaha meningkatkan pemahaman para hadirin tentang amalan menginfakkan harta di jalan Allah Subhanahu Wata'ala khususnya berkaitan dengan pembinaan masjid dan pembangunan masyarakat, sebuah Forum Eksklusif diadakan baru-baru ini berlangsung di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, di sini.

Forum tersebut merupakan

ANTARA yang hadir pada forum tersebut.

# ICIFS 2025 : MENEROKA PERANAN PENTING KEWANGAN ISLAM



SETIAUSAHA Tetap (Wawasan) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) semasa hadir pada Persidangan Antarabangsa Kewangan Islam dan Kelestarian 2025 (International Conference on Islamic Finance and Sustainability 2025 – ICIFS 2025) selaku wakil kepada tetamu kehormat, Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 4 Februari. – Persidangan Antarabangsa Kewangan Islam dan Kelestarian 2025 (International Conference on Islamic Finance and Sustainability 2025 – ICIFS 2025) berfungsi sebagai platform utama untuk perbincangan mendalam mengenai pengintegrasian teknologi terkini, seperti blockchain dan kecerdasan buatan (AI), dengan perkhidmatan kewangan Islam untuk meningkatkan ketelusan dan keterangkuman.

Di samping itu, ia juga akan meneroka instrumen kewangan Islam yang inovatif, termasuk sukuk bagi pembiayaan tenaga boleh diperbaharui dan peranan mikro-kewangan Islam dalam

Dengan tema 'Peranan

memberdayakan komuniti yang kurang berasib baik secara ekonomi.

Dianjurkan oleh Universiti Brunei Darussalam (UBD), Majlis Pembukaan ICIFS 2025 diadakan bertempat di Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Persidangan dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Wawasan) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad selaku wakil kepada tetamu kehormat, Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Menyoroti

Kewangan Islam dalam Mencapai Matlamat Pembangunan Lestari', ICIFS 2025 bermatlamat untuk meneroka peranan penting yang dimainkan oleh prinsip kewangan Islam dalam usaha kelestarian global.

Pengiran Hajah Siti Nirmala dalam ucaptama menekankan bahawa, kewangan Islam yang berdasarkan prinsip etika dan keadilan, memberikan penyelesaian yang unik kepada cabaran global yang mendesak seperti ketidaksamaan ekonomi, perubahan iklim, dan ketidakadilan sosial.

Menyoroti

"Kewangan Islam bukan sahaja merupakan asas kepada strategi kewangan negara tetapi juga merupakan penyokong utama amalan ekonomi lestari yang menyumbang kepada kemakmuran jangka panjang dan pemeliharaan alam sekitar," tambahnya.

Sementara itu, Professor of Finance, University of New Orleans, Profesor Dr. Mohammad Kabir Hassan dalam ucapannya menekankan daya tahan adaptif dan potensi luas kewangan Islam dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi global.

"Produk kewangan Islam, yang direka untuk mempromosikan pembangunan lestari, adalah penting untuk memupuk kestabilan ekonomi, keadilan sosial, dan perlindungan alam sekitar," ujarnya.

Persidangan tiga hari itu juga

menampilkan dua sesi panel yang menumpukan kepada bidang-bidang utama yang membentuk masa depan kewangan Islam.

Sesi hari ini iaitu 'Membentuk Masa Depan Kewangan Islam: Inovasi dan Kelestarian dalam Amalan' telah menyatakan pakar-pakar untuk membincangkan aplikasi praktikal inovasi dan kelestarian dalam industri tersebut.

Manakala sesi seterusnya, 'Memajukan Penyelidikan Kewangan Islam: Menyelaraskan Teori dengan Amalan untuk Kelestarian', akan meneroka pautan kritis antara penyelidikan akademik dan aplikasi industri di dunia nyata.

Satu lagi sorotan penting persidangan tersebut ialah pertukaran beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pihak berkepentingan utama, yang melambangkan komitmen bersama untuk memajukan kelestarian dan inovasi dalam kewangan Islam.

Perjanjian itu nanti akan berfungsi sebagai pemangkin untuk usaha kerjasama yang signifikan antara UBD; Sekolah Perdagangan dan Ekonomi, Universiti Brunei Darussalam (Universiti Brunei Darussalam, School of Business and Economics - UBDSBE); dan rakan-rakan kongsi yang lain.

Perkongsian rasmi telah ditubuhkan bersama Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), UN Global Compact Malaysia dan Brunei, serta Ozean.

ICIFS 2025 merupakan forum penting bagi pakar akademik terkemuka, profesional industri, dan penggubal dasar dalam memudahkan kolaboratif untuk merangka penyelesaian inovatif dan strategi berwawasan bagi masa depan kewangan yang lestari.

## Memupuk kemahiran literasi digital warga emas



SESI bergambar ramai pada Sesi Jangkauan Komuniti Ke-5 yang dikendalikan oleh Digital Brunei di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pandan, Kuala Belait.

Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkua Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam

**BELAIT**, Selasa, 4 Februari. – Digital Brunei berjaya mengendalikan Sesi Jangkauan Komuniti Ke-5, menandakan satu lagi kejayaan dalam usaha berterusannya untuk memupuk kemahiran literasi digital dan kesedaran dalam kalangan warga emas di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis diadakan di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pandan, Kuala Belait, dengan kerjasama Pejabat Daerah Belait

dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) melalui Pusat Kgiatan Warga Emas (PKWE).

Lebih 40 peserta menghadiri majlis tersebut yang terdiri daripada ahli PKWE, Ketua Kampung dan ahli Majlis Perundungan Kampung.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat.

Sesi pertama bermula dengan pembentangan daripada Pihak Berkua Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) mengenai pendaftaran semula prabayar mudah alih, diikuti oleh wakil daripada tiga penyedia perkhidmatan telekomunikasi – Datastream Digital Sdn. Bhd.; Imagine Sdn. Bhd. dan Progresif Sdn. Bhd. – di mana mereka menghuraikan lebih lanjut mengenai proses untuk mendaftar semula talian prabayar mudah alih pelanggan mereka.

Manakala sesi kedua

menampilkan pembentangan daripada Cyber Security Brunei (CSB) yang mengetengahkan langkah-langkah keselamatan untuk mengelakkan penyalahgunaan kecerdasan buatan (AI) untuk penipuan, pembentangan dari Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengenai statistik jenayah siber dan kajian kes, dan diakhiri dengan pembentangan daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan demonstrasi aplikasi Mushaf Brunei mereka, aplikasi mudah alih yang membolehkan umat Islam

mengakses Al-Quran dengan mudah pada peranti mudah alih.

Sesi maklumat tersebut dihasrat dapat memberikan pengetahuan dan panduan praktikal untuk menavigasi landskap digital, dengan penekanan terhadap kepentingan keselamatan dalam era transformasi digital.

Lebih banyak program jangkauan komuniti akan dianjurkan pada masa hadapan sebagai usaha ke arah merapatkan jurang digital dan memupuk rangkuman digital di seluruh negara.

Digital Brunei merupakan inisiatif Majlis Ekonomi Digital, yang difasilitasi oleh AITI dengan matlamat untuk memperkisasakan masyarakat melalui teknologi digital dalam usaha mewujudkan masyarakat yang lebih inklusif secara digital.

Inisiatif itu juga bertujuan untuk mewujudkan NBD sebagai sebuah negara yang memupuk inovasi dan teknologi digital, dengan meningkatkan kesedaran tentang inisiatif pendigitalan negara.

Digital Brunei komited untuk menyelaraskan objektifnya, dalam mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 dan menyokong Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

Untuk maklumat terkini mengenai inisiatif Digital Brunei, ikuti laman media sosial Instagram, Facebook dan LinkedIn di @digitalbrunei.

# MENINGKATKAN KEMAHIRAN, PENGETAHUAN TENAGA TEMPATAN DALAM SEKTOR LOGISTIK



Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BERAKAS**, Selasa, 4 Februari. - Brunei Freight Forwarders Association (BRUFA) dan Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan (COSMO) hari ini



PENGURUSI COSMO, Dr. Haji Abdul Aziz bin Haji Abd. Latip semasa berucap.

melancarkan Pensijilan Tahap 3 City & Guilds dalam operasi logistik bertempat di Dewan COSMO, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Pensijilan Tahap 3 City & Guilds dalam operasi logistik merupakan kelayakan yang diiktiraf secara antarabangsa yang melengkapi individu dengan kemahiran praktikal dan pengetahuan yang penting untuk kejayaan dalam industri logistik dan rantaian bekalan.

Ir. Awang Haji Mohammad Nazri dalam ucapannya berkata kursus yang dibangunkan dengan usaha

kerjasama antara COSMO dan BRUFA, disesuaikan untuk memenuhi keperluan khusus sektor logistik dan pengangkutan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Ia membekalkan pelajar dengan pengetahuan asas dan kemahiran praktikal dari pengurusan rantaian bekalan hingga operasi pengangkutan, mempersiapkan mereka untuk kerjaya dalam salah satu industri yang paling dinamik dan kritikal.

"Tahniah atas pelancaran kursus baru ini dan dedikasi awda terhadap kecemerlangan dalam pendidikan amat jelas dan saya yakin program ini akan memberi sumbangan besar kepada perkembangan profesional pelajar dan kemajuan industri logistik di NBD," jelasnya lagi.

Pelancaran berkenaan diikuti dengan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara COSMO dan BRUFA.

Menandatangani bagi mewakili pihak COSMO ialah Pengurus COSMO, Dr. Haji Abdul Aziz bin Haji Abd. Latip, manakala BRUFA pula diwakili oleh Presiden BRUFA, Thomas Koh.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh tokoh-tokoh penting terdiri daripada industri logistik, termasuk CEO, COO, pengurus besar dan pemimpin perniagaan daripada pelbagai sektor di NBD.

Kerjasama berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan tenaga kerja tempatan dalam sektor logistik, yang merupakan tiang penting dalam ekonomi NBD.



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas dan bawah). Manakala gambar atas kiri, Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman antara Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan (COSMO) dan Brunei Freight Forwarders Association (BRUFA).



## Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Beribi juara Pertandingan Nasyid



ISTERI Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan hadiah kepada pemenang (kanan). Sementara gambar atas, antara kumpulan Kelas Bimbingan Muslimah yang menyertai Pertandingan Nasyid sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi Kelas Bimbingan Muslimah Senegara.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Februari. - Kelebihan pemikiran dari segi keseragaman suara dan intonasi memberikan kejayaan buat kumpulan Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Beribi sehingga dinobatkan sebagai juara pada Pertandingan Nasyid sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Kelas Bimbingan Muslimah Senegara pada tahun ini dengan membawakan lagu 'Menanai Wawasan Negara Tercinta'.

Berkongsi markah dengan pasukan juara, iaitu sebanyak 80 peratus pula menempatkan kumpulan Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Sungai Teraban, Daerah Belait di tempat kedua dengan mendendangkan lagu 'Kasih Darussalam'.

Sementara pemenang tempat ketiga ialah kumpulan Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis yang mempersembahkan lagu nasyid mereka 'Brunei Bumi Merdeka' dengan memperoleh 73 peratus.

Manakala, Awang Mohd. Taswim Rozan pula dipilih sebagai Pencipta Lirik Terbaik, dan Seni Kata Terbaik bagi lagu 'Kasih Darussalam'.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang pada majlis yang berlangsung di Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini, isteri Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Siti Norishan binti Haji Awang Abdul Ghafor.

Sebanyak sembilan kumpulan bertanding pada pertandingan



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

Julung kali diadakan berkenaan dan diharap akan lebih banyak lagi penyertaan daripada Kelas-kelas Bimbingan Muslimah seluruh negara pada masa akan datang.

Pertandingan Nasyid sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD bagi Kelas Bimbingan Muslimah Senegara diungkayahkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' Asr Hassanal Bolkiah.

Dengan adanya pertandingan

seumpama berkenaan akan mampu membangunkan dan memupuk semangat patriotisme dan rasa cinta kepada negara menerusi irama dan lirik lagu dalam persembahan nasyid.

Selain menghebahkan lagu-lagu nasyid dan dakwah berkenaan, ia setentunya menjadikannya sebagai satu budaya warisan konsep Melayu Islam Beraja yang berunsurkan keagamaan bagi meningkatkan lagi pembangunan insan dan negara.

# TINGKATKAN PENGETAHUAN, ILMU HAL EHWAL PERUNDANGAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**PEMANGKU Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang) Jabatan Perdana Menteri (JPM)** hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan bagi Seminar Perundangan Kali Ke-4 (kiri dan kanan).



mencabar ini.

Perkara tersebut antara yang dijelaskan oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang) JPM, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan bagi Seminar Perundangan Kali Ke-4.

Awang Zulhusam seterusnya menekankan mengenai dengan kepentingan prinsip integriti khususnya dalam kalangan warga Perkhidmatan Awam dan seterusnya mengimbas kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-30 (2023) yang mana baginda telah menzhirikan hasrat untuk melihat Perkhidmatan Awam yang bersih, amanah dan berkesan.

Baginda turut menegaskan bahawa jika integriti roboh, maka pelbagai perkara negatif pasti akan berlaku, seperti penyelewengan

untuk kepentingan peribadi, rasuah dan sebagainya.

"Pandangan bawahan isu-isu integriti berpunca dari kurangnya pengetahuan serta kefahaman mengenai undang-undang, peraturan-peraturan serta prinsip-prinsip etika yang berkaitan. Oleh yang demikian, Seminar Perundangan kali ini telah memuatkan beberapa topik yang tertumpu khususnya kepada hal ehwal integriti warga Perkhidmatan Awam yang bersih, amanah dan berlandaskan integriti.

Bagi mengakhiri ucapan, Awang Zulhusam menyarankan agar pegawai dan kakitangan Kerajaan yang hadir akan dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang di sepanjang seminar ini untuk menimba ilmu pengetahuan yang bermanfaat mengenai hal ehwal perundangan agar dapat mengembang majukan diri sebagai warga Perkhidmatan Awam dan ahli masyarakat yang bertanggungjawab.

JPM dengan kerjasama dari Pejabat Peguam Negara

telah mengelolakan Seminar Perundangan Kali Keempat selama dua hari bermula 3 hingga 4 Februari 2025.

Seramai 150 pegawai dan kakitangan kerajaan telah menghadiri seminar ini yang berlangsung di Dewan Theatre, JPM, hari ini. Sejak bermulanya seminar perundangan pada tahun 2020, lebih daripada 300 pegawai dan kakitangan kerajaan telah menghadiri Seminar Perundangan ini.

Seminar ini akan disampaikan oleh penceramah dari Pejabat Peguam Negara, Mahkamah Syariah, Mahkamah Sivil, Biro Mencegah Rasuah (BMR) dan Brunei Darussalam Arbitration Centre (BDAC).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Februari. - Objektif seminar perundangan ini adalah untuk meningkatkan tahap celik undang-undang dalam kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan supaya bersedia dan berkeupayaan untuk menghadapi dan menangani isu-isu perundangan di kementerian atau jabatan masing-masing.

Meskipun bukan semua pegawai dan kakitangan yang hadir terlibat secara langsung dengan kerja-kerja yang berkaitan dengan hal ehwal perundangan, namun Jabatan Perdana Menteri (JPM) menilai bahawa pengetahuan atas undang-undang adalah penting untuk dihayati oleh setiap warga Perkhidmatan Awam pada era yang semakin kompleks dan

## Operasi Black Bull berjaya rampas 3.48 kg syabu



ANTARA hasil yang berjaya dirampas oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) melalui Operasi Black Bull (atas, atas kanan dan atas kanan sekali). Manakala gambar bawah, kenderaan motorsikal yang digunakan untuk menyeludup dadah masuk ke negara ini.

**Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Februari. – Sejumlah 3.48 kilogram (kg) syabu berjaya dirampas oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) melalui Operasi Black Bull yang dijalankan pada Januari dan Februari 2025.

Operasi tersebut berjaya menahan 12 individu yang dipercayai terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah bagi pasaran Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong dan Daerah Belait.

Dengan berat dadah yang dirampas, kes berkenaan boleh membawa hukuman gantung sampai mati.

Pada pertengahan Januari 2025, empat individu ditahan di Pos Kawalan Sungai Tujuh kerana didapati membawa dadah

syabu seberat 391.23 gram. Suspek utama kumpulan tersebut pernah ditangkap melalui Operasi Bulls Eye pada 2021 dan kini meningkat naik setelah kejatuhan satu sindiket yang ditumpaskan melalui Operasi Tupai.

Manakala pada hujung Januari 2025, Operasi Black Bull diteruskan lagi dengan menahan dua individu di Kampung Sungai Kebun dan Kampung Mengkubau.

Operasi susulan itu telah merampas tiga bungkus yang secara keseluruhan mengandungi 3,087.68 gram syabu dipercayai milik sekumpulan pengedar dadah.

Operasi susulan pada awal Februari 2025 telah menahan enam lagi individu berkaitan



dengan rangkaian itu yang menjalankan pengedaran dadah di Kampung Pekan Lama, Daerah Brunei dan Muara.

Jumlah dadah yang dirampas adalah tidak signifikan kerana mereka yang ditahan dinilai dalam keadaan bersiap sedia untuk ditangkap dengan tidak menyimpan dadah bersama mereka.

Secara keseluruhan, Operasi Black Bull telah merampas 3.48kg syabu yang dianggarkan bernilai lebih daripada BND450,000 di pasaran tempatan dan boleh menampung sekurang-kurangnya 34,000 pengguna dadah.

Turut dirampas dalam tiga operasi tersebut ialah wang tunai dipercayai hasil dari kegiatan pengedaran dadah, kenderaan dan alat-alat yang berkaitan dalam kegiatan penyalahgunaan dan pengedaran dadah.

Modus Operandi rangkaian



kumpulan pengedaran ini adalah dengan menggunakan kenderaan motorsikal yang berdaftar di negara asing untuk menyeludup dadah masuk ke negara ini bagi

mengelirukan pemantauan pihak berkuasa yang seterusnya memudahkan kaedah penghantaran dadah ke beberapa tempat di negara ini.





## Keluaran Kedua

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

### 4. MEMANJANGKAN bacaan surah atau ayat al-Qur'an pada raka'at pertama daripada raka'at kedua.

Disunatkan untuk memanjangkan bacaan surah atau ayat al-Qur'an pada raka'at pertama daripada bacaan surah atau ayat al-Qur'an pada raka'at kedua kerana *ittiba'* disebabkan kecergasan pada raka'at pertama adalah lebih berbanding pada raka'at selainnya, maka dituntut untuk meringankan bacaan pada raka'at selain yang pertama agar menghindarkan kelesuan dalam sembahyang.

Menurut asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*, jika makmum yang *masbuq* membaca surah atau ayat al-Qur'an pada raka'at ketiga dan keempat, maka disunatkan juga dia memanjangkan bacaan surah atau ayat al-Qur'an pada raka'at keempat.

Dikecualikan dalam keadaan ini jika terdapat *nash* yang menuntut orang yang sembahyang untuk membaca suatu surah atau ayat al-Qur'an pada raka'at kedua yang lebih panjang kadar bacaannya daripada bacaan pada raka'at pertama seperti dalam sembahyang fardhu Jumaat sebagaimana yang akan dijelaskan kemudian atau jika terdapat maslahat untuk imam memanjangkan bacaan pada raka'at kedua daripada bacaan pada raka'at pertama seperti imam memanjangkan bacaannya bagi memberi masa kepada makmum yang menunggu untuk sujud ketika keadaan sesak agar makmum itu tidak ketinggalan perbuatan imam.

5. Membaca surah atau ayat al-Qur'an mengikut tertib susunan dalam mushaf al-Qur'an.

Disunatkan untuk membaca surah atau ayat al-Qur'an mengikut tertib susunan dalam mushaf al-Qur'an seperti membaca surah al-Falaq pada raka'at pertama dan membaca surah an-Nas pada raka'at kedua. Jika dilakukan sebaliknya, maka perbuatan tersebut adalah menyalahi yang utama.

Jika seseorang membaca surah an-Nas pada raka'at pertama, maka bagi meraih sunnah membaca al-Qur'an mengikut tertib

**"DISUNATKAN untuk membaca surah atau ayat al-Qur'an secara berurutan sebagaimana dalam mushaf al-Qur'an selama bacaan pada raka'at berikutnya tidak panjang daripada raka'at awal seperti membaca surah al-Falaq pada raka'at pertama dan membaca surah an-Nas pada raka'at kedua."**

# Perkara Yang Sunat Dilakukan Ketika Membaca Surah Dalam Sembahyang

susunan dalam mushaf al-Qur'an, dia membaca pada raka'at kedua itu awal surah al-Baqarah pada kadar bacaan yang kurang daripada kadar panjang surah an-Nas.

Jika bertembung tuntutan mengikut tertib susunan dalam mushaf al-Qur'an dan tuntutan memanjangkan bacaan pada raka'at pertama daripada raka'at kedua, seperti seseorang membaca surah al-Ikhlas pada raka'at pertama, maka adakah dia membaca surah al-Falaq pada raka'at kedua bagi menjaga tuntutan mengikut tertib susunan dalam mushaf al-Qur'an atau adakah dia membaca surah al-Kautsar bagi menjaga tuntutan memanjangkan bacaan pada raka'at pertama daripada raka'at kedua? Menurut asy-Syaikh al-Bujairimi *Rahimahullah* sebagaimana yang dinukil oleh as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya *I'anah ath-Thalibin*, hendaklah dia membaca sebahagian surah al-Falaq pada raka'at kedua yang lebih pendek kadar bacaannya daripada surah al-Ikhlas bagi memelihara kedua-dua tuntutan tersebut.

6. Membaca surah atau ayat al-Qur'an secara berurutan.

Disunatkan untuk membaca surah atau ayat al-Qur'an secara berurutan sebagaimana dalam mushaf al-Qur'an selama bacaan pada raka'at berikutnya tidak panjang daripada raka'at awal seperti membaca surah al-Falaq pada raka'at pertama dan membaca surah an-Nas pada raka'at kedua.

Jika bacaan pada raka'at berikutnya lebih panjang daripada raka'at awal seperti membaca surah al-Anfal pada raka'at pertama dan membaca surah at-Taubah pada raka'at kedua dan surah at-Taubah lebih panjang daripada surah al-Anfal, maka meninggalkan bacaan surah at-Taubah bukan perbuatan menyalahi yang utama kerana dengan berbuat demikian, dia mengelak daripada memanjangkan bacaan pada raka'at kedua daripada raka'at pertama yang merupakan perbuatan menyalahi sunnah. Namun jika dia ingin membaca surah at-Taubah juga pada raka'at kedua untuk menjaga tuntutan berurutan, maka disunatkan baginya untuk membaca surah at-Taubah pada kadar yang kurang daripada surah al-Anfal.

Jika seseorang meninggalkan tuntutan berurutan itu seperti membaca surah al-Humazah pada raka'at pertama dan surah Quraisy pada raka'at kedua sedangkan selepas surah al-Humazah ialah surah al-Fil, maka perbuatan tersebut adalah menyalahi yang utama walaupun ia mengikut tertib susunan dalam mushaf al-Qur'an.

Dikecualikan dalam keadaan ini jika terdapat *nash* yang menuntut orang yang sembahyang untuk membaca suatu surah atau ayat al-Qur'an tertentu yang tidak secara berurutan seperti tuntutan dalam sembahyang sunat Fajar untuk membaca surah al-Kafirun pada raka'at pertama dan surah al-Ikhlas pada raka'at kedua, maka disunatkan dia membaca surah atau ayat al-Qur'an yang *wardi* dalam *nash*.

7. Menyaringkan bacaan surah atau ayat al-Qur'an pada sembahyang fardhu tertentu dan sembahyang sunat tertentu.

Disunatkan bagi orang yang sembahyang selain perempuan dan khuntsa untuk menyaringkan bacaan surah atau ayat al-Qur'an pada sembahyang fardhu Subuh, pada raka'at pertama dan kedua sembahyang fardhu Maghrib dan Isya', pada sembahyang fardhu Jumaat

walaupun pada raka'at *masbuq* yang dikerjakan makmum selepas imam memberi salam, pada sembahyang sunat Hari Raya, pada sembahyang sunat Istisqa', pada sembahyang sunat Khusuf (gerhana bulan), pada sembahyang sunat Tarawih, pada sembahyang sunat Witir di bulan Ramadhan dan pada dua raka'at sembahyang sunat Thawaf jika dikerjakan pada waktu malam. Tuntutan tersebut adalah berdasarkan hadits-hadits *shahih* dan *qiyas*.

Adapun bagi sembahyang sunat mutlak dikerjakan pada waktu malam, maka disunatkan bagi mereka untuk membaca surah atau ayat al-Qur'an dengan suara di antara nyaring dan perlahan jika tidak ditakuti akan menyebabkan riya' atau akan mengganggu orang lain yang bersembahyang atau berthawaf atau membaca al-Qur'an atau yang sedang tidur. Jika ditakuti akan berlaku perkara tersebut, maka disunatkan bagi mereka untuk memperlakukan suara bacaan surah atau ayat al-Qur'an.

Manakala bagi perempuan dan khuntsa pula, maka disunatkan bagi mereka untuk tidak menyaringkan bacaan surah atau ayat al-Qur'an mereka dalam sembahyang jika terdapat lelaki *ajnabi* (bukan mahram) bagi mengelak fitnah. Manakala jika terdapat mahram, maka disunatkan bagi mereka menyaringkan bacaan surah atau ayat al-Qur'an namun bukan seperti suara nyaring lelaki.

Penjelasan mengenai menyaringkan atau memperlakukan suara pada bacaan surah atau ayat al-Qur'an sebagaimana yang dijelaskan di atas adalah bagi sembahyang tunai. Jika sembahyang yang dikerjakan itu sembahyang qadha', maka ia adalah tertakluk kepada waktu sembahyang itu dikerjakan. Jika ia dikerjakan di antara waktu terbenam matahari dan waktu terbit matahari, maka bacaan surah atau ayat al-Qur'an dalam sembahyang adalah dinyaringkan. Namun jika ia dikerjakan di antara waktu terbit matahari dan waktu terbenam matahari, maka bacaan surah atau ayat al-Qur'an dalam sembahyang adalah diperlakukan suaranya. Dikecualikan dalam keadaan ini, sembahyang sunat Hari Raya yang diqadha', maka ia dikerjakan dengan suara yang nyaring sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam al-Isawi *Rahimahullah*.

Batas suara yang nyaring itu adalah apabila suaranya dapat didengar oleh orang lain. Batas suara yang perlahan itu adalah apabila suaranya hanya dapat didengar oleh dirinya sendiri.

8. Membaca surah atau ayat al-Qur'an yang *wardi* dalam *nash*.

Disunatkan bagi orang yang sembahyang untuk membaca surah atau ayat al-Qur'an yang *wardi* dalam *nash*, antaranya seperti berikut:

(i) Bagi sembahyang fardhu Subuh pada hari Jumaat, disunatkan membaca surah as-Sajdah pada raka'at pertama dan surah al-Insan pada raka'at kedua kerana *ittiba'*.  
(ii) Bagi sembahyang sunat Subuh, disunatkan pada raka'at pertama untuk membaca ayat berikut:

فَلَوْلَا مَا مَكَثَ بِاللّٰهِ وَمَا أُنْزِلَ إِلَيْنَا وَمَا أُنْزِلَ إِلَيْنَا وَمَا أُنْسَى وَمَا أَنْسَى

وَإِنْحِشَقَ وَيَغْفُرُ وَالْأَسْبَاطَ وَمَا أُوتِيَ مُؤْسِي وَعِصِيَ وَمَا أُوتِيَ

النَّبِيُّونَ مِنْ رَبِّهِمْ لَا تُنْزَعُ بَيْنَ أَخْلَقِنَّهُمْ وَلَا يُنْزَعُ مُسْلِمُونَ ﴿١٣٦﴾

(Surah al-Baqarah: 136)

(Surah al-Baqarah: 136)  
Manakala pada raka'at kedua, disunatkan membaca ayat berikut:

فَلَمْ يَأْتِلْ أَنْجِيبٌ ثَعَالَةً إِلَيْهِ سَوَاءٌ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ لَا تَعْجِدُ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا  
تَعْجِدُ إِلَّا اللّٰهُ وَلَا تُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا لَا يَعْجِدُ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا  
مَنْ دُونَ اللّٰهِ قَيْمَنْ تَوْلَى قَوْلُوا أَنْشَهَدُوا يَا أَنَّ مُسْلِمُونَ

(Surah Ali 'Imran: 64)

**Tafsirnya:** Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): "Wahai Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani)! Marilah (kita bersatu) pada suatu kalimah yang bersamaan antara kami dan kamu iaitu kita tidak menyembah melainkan Allah dan kita tidak mempersekuatNya dengan sesuatu jua pun dan jangan pula sebahagian daripada kita menjadikan sebahagian yang lain sebagai tuhan-tuhan selain Allah". Kemudian jika mereka berpaling maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah bahawa sesungguhnya kami ialah orang yang tunduk patuh kepada perintah Allah". (Surah Ali 'Imran: 64)

Selain kedua-dua ayat tersebut, disunatkan juga membaca surah al-Kafirun pada raka'at pertama dan surah al-Ikhlas pada raka'at kedua. Membaca kedua-dua surah ini adalah afdhal daripada membaca kedua-dua ayat tersebut di atas sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Kurdī *Rahimahullah*.

(iii) Bagi sembahyang fardhu Maghrib pada malam Jumaat, disunatkan membaca surah al-Kafirun pada raka'at pertama dan surah al-Ikhlas pada raka'at kedua.

(iv) Bagi sembahyang fardhu Isya' pada malam Jumaat, disunatkan membaca surah al-Jumu'ah pada raka'at pertama dan surah al-Munafiqun pada raka'at kedua.

(v) Bagi sembahyang sunat Thawaf, sembahyang sunat Ihram, sembahyang sunat Istikharah, sembahyang sunat Maghrib, sembahyang sunat Tahiyyatulmasjid, sembahyang sunat Dhuhra dan sembahyang fardhu Subuh bagi orang musafir, disunatkan membaca surah al-Kafirun pada raka'at pertama dan surah al-Ikhlas pada raka'at kedua.

(vi) Bagi sembahyang sunat Hari Raya dan sembahyang sunat Istisqa', disunatkan membaca surah Qaf pada raka'at pertama dan surah al-Qamar pada raka'at kedua atau surah al-A'la pada raka'at pertama dan surah al-Ghasiyah pada raka'at kedua.

9. *Tadabbur* bacaan surah atau ayat al-Qur'an.

Disunatkan untuk *tadabbur* bacaan surah atau ayat al-Qur'an yang dibaca berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'alaa*:

**Tafsirnya:** (Al-Qur'an ini ialah) sebuah kitab yang Kami telah turunkan kepadamu (wahai Nabi Muhammad), yang mengandungi berkat supaya mereka memikirkan dengan teliti kandungan ayat-ayatnya.

(Surah Shadi: 29)  
Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*, maksud *tadabbur* bacaan itu ialah merenung makna-makna bacaan tersebut secara umum dan bukan secara terperinci. Dengan *tadabbur* itu, orang yang sembahyang akan dapat meraih khusyu' ketika bersembahyang, akan dapat beradab dengan bacaannya, dadanya akan berasa lapang dan hatinya akan bersinar.

10. Membaca surah atau ayat al-Qur'an secara *tartil*.

Disunatkan untuk membaca surah atau ayat al-Qur'an secara *tartil* iaitu secara perlahan, tersusun dan cantik aturan bacaannya. Jika seseorang tidak membacanya secara *tartil*, umpamanya dia membacanya secara sangat laju sehingga menyebabkan bacaannya tidak teratur, hukumnya adalah makruh. Menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj*, satu huruf yang dibaca secara *tartil* adalah afdhal daripada dua huruf yang dibaca tanpa *tartil*. Begitu juga halnya, separuh surah yang dibaca secara *tartil* adalah afdhal daripada satu surah yang dibaca tanpa *tartil*.

**Tafsirnya:** Katakanlah (wahai orang-orang yang beriman!): "Kami beriman kepada Allah dan kepada apa yang diturunkan kepada kami (al-Qur'an) dan kepada apa yang telah diturunkan kepada Nabi Ibrahim, Nabi Ismail, Nabi Ishaq, Nabi Ya'qub dan juga anak cucunya. Dan juga kepada apa yang diberikan kepada Nabi Musa (kitab Taurat) dan Nabi 'Isa (Kitab Injil) dan kepada apa yang diberikan kepada nabi-nabi daripada Tuhan mereka. Kami tidak membezakan mereka itu antara satu dengan yang lain. Dan kepadaNyalah sahaja kami berserah diri (tunduk patuh)".

# PROGRAM SUA MUKA : BARIGA ISU SEMASA, DASAR KERAJAAN



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

JERUDONG, Selasa, 4 Februari. - Dalam usaha untuk membarigakan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklumat balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang

berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik pagi tadi mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Tagap dan

Kampung Selayun, Mukim Sengkurong bertempat di kediaman Pemangku Ketua Kampung Tagap dan Kampung Selayun, Awang Haji Abdul Latif bin Haji Tengah.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan, Pemangku Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, yang juga Ketua Kampung Putat, Daerah Brunei dan Muara; dan Penghulu Mukim Sengkurong, Dr. Awang Haji Abdullah Hanif bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman.

Program diisikan dengan penyampaian maklumat kepada para penduduk kampung mengenai penjimatkan tenaga dari Jabatan Tenaga, JPM; dan penggunaan sistem meter baharu dari Unified Smart Metering System (USMS) Sendirian Berhad serta kaedah agihan zakat dari Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal.

Program dimulakan dengan mukadimah daripada ketua rombongan yang antara lain menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa juga maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan, iaitu Komunikasi Bersempua yang dihasrat untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan - rakyat dan rakyat - kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan



MENGETUI rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman (atas). Manakala gambar atas kiri, turut hadir pada program berkenaan ialah Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, sementara gambar bawah, antara yang hadir pada program tersebut.



masarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.  
Program Sua Muka turut diisikan dengan sesi dialog bersama

penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan prasarana, kesejahteraan dan kemudahan awam serta hal-hal lain.

**Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia**

Sila muat turun

**PenggunaBijak**

دانان فريقيون ون ستاتيسيس  
FAKULTAH PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

## Bersyukur itu tanda keimanan

kepada umat Islam boleh dibahagikan kepada dua, iaitu :

Nikmat untuk menjalani kehidupan di dunia seperti makanan, minuman, pandangan, kekayaan, keamanan, kesihatan, umur dan nikmat berkasih sayang; dan nikmat yang paling tinggi nilainya iaitu nikmat iman dan Islam kerana ia bukan setakat untuk di dunia tetapi berterusan sampai ke hari akhirat.

Umat Islam patut bersyukur kerana dikenali nikmat iman dan Islam, di samping nikmat lain yang tidak terkira banyaknya. Allah Subhanahu Wata'ala menghuraikan mengenai banyaknya nikmat kurniaan-Nya kepada manusia yang pasti tidak mampu dihitung. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl, ayat 18, sebagaimana terjemahan maknanya :

"Dan jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak dapat menghitung banyaknya. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan supaya manusia yang banyak menerima nikmat dan kurniaan-Nya supaya bersyukur, seperti firman-Nya dalam Surah An-Nahl, ayat 78 yang terjemahan maknanya :

"Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu apa pun dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran, penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu

bersyukur".

Terdapat sebuah kisah bahawa ada seorang pemuda pada zaman Sayyidina Umar al-Khattab Radhiallahu anhu yang sering berdoa di sisi Baitullah yang maksudnya : "Ya Allah! masukkanlah aku dalam golongan yang sedikit". Doa pemuda ini didengar oleh Sayyidina Umar Radhiallahu anhu ketika beliau (Umar) sedang bertawaf di Kaabah. Umar berasa hairan, iaitu kenapa pemuda berkenaan memohon doa sedemikian rupa.

Selepas selesai melakukan tawaf, Sayyidina Umar Radhiallahu anhu memanggil pemuda berkenaan lalu bertanya : "Kenapakah engkau berdoa sedemikian rupa (Ya Allah! Masukkanlah aku dalam golongan yang sedikit), apakah tiada permintaan lain yang boleh engkau mohon kepada Allah?"

Pemuda berkenaan menjawab : "Ya Amirul Mukminin! Aku membaca doa berkenaan kerana aku (berasa) takut dengan penjelasan Allah seperti firman-Nya dalam Surah Al-A'raaf, ayat 10 yang terjemahan maknanya : "Dan demi sesungguhnya Kami telah menempatkan kamu di bumi dan Kami telah menjadikan kamu di bumi itu (berbagai-bagi sumber) penghidupan. Sedikit benar kamu bersyukur". Aku memohon agar Allah memasukkan aku dalam golongan yang sedikit, iaitu (lantaran) terlalu sedikit orang yang tahu bersyukur kepada Allah, jelas pemuda berkenaan".

Mendengar jawapan itu, Umar

al-Khattab Radhiallahu anhu menepuk kepalanya sambil berkata kepada dirinya sendiri : "Wahai Umar, alangkah jahilnya engkau, orang ramai lebih alim daripadamu". Memanglah teramat sedikit yang tahu dan mahu bersyukur dan semoga kita termasuk dalam golongan yang sedikit berkenaan (yang bersyukur).

Mentaati perintah dan menjauhi apa jua larangan Allah Subhanahu Wata'ala adalah tanda syukur kepada-Nya. Insaflah bahawa apa jua yang Dia suruh kerjakan dan tinggalkan segala larangan-Nya adalah semata-mata untuk keuntungan manusia sendiri.

Allah Subhanahu Wata'ala tidak mengambil sebarang faedah daripada apa jua yang diperintah dan dilarang-Nya. Dia tidak sekali-kali rugi jika semua manusia sepakat untuk tidak mentaati-Nya dan tidak pula untung sekulit pun sekiranya semua manusia beriman dan patuh kepada-Nya. Bukankah Allah Subhanahu Wata'ala mewujudkan manusia di muka bumi ini untuk diuji. Dia hendak melihat siapakah antara mereka yang paling baik perbuatannya?

Ini selaras dengan penegasan Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Kahfi, ayat 7 yang terjemahan makna ayatnya : "Sesungguhnya Kami telah menjadikan apa yang ada di bumi sebagai perhiasan baginya untuk Kami menguji mereka (manusia) siapakah antara mereka yang lebih baik amalannya".

منجو كريضاعن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كولان قوسة دعوه اسلاميه

UMAT Islam perlu memperbanyakkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana ia adalah tanda keteguhan iman di atas segala nikmat kurniaan-Nya yang tidak terkira banyaknya. Nikmat keamanan yang diterima terus menerus dan tidak putus-putus ini sepatutnya menambahkan lagi rasa kesyukuran kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memperkuatkan lagi ketaatan serta pengabdian kepada-Nya.

Orang yang tidak tahu atau tidak mahu bersyukur, maka azab Allah Subhanahu Wata'ala bakal diterimanya di akhirat. Sebaliknya, orang yang tahu bersyukur dan menghargai nikmat pemberian Allah Subhanahu Wata'ala, mereka beruntung kerana Dia berkenan menambahkan lagi pemberian-Nya, sebagaimana terjemahan makna ayat 7, dalam Surah Ibrahim :

"Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : "Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras".

Nikmat Allah Subhanahu Wata'ala yang dianugerahkan kepada manusia khususnya

# 112 PELAJAR SERTAI KELAS TUISYEN PENGUKUHAN PELAJARAN UGAMA



PEMANGKU Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid semasa menyampaikan surat lantikan dan sijil kepada salah seorang pelajar (atas). Sementara gambar bawah, sebahagian yang hadir pada program berkenaan.



Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji memaklumkan bahawa pada masa ini sebanyak 24 buah agensi pelancongan telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah Menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2025 Masihi.

Agensi-agensi berkenaan adalah Darussalam Services Sdn. Bhd.; Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd.; Continental Yachting Sdn. Bhd.; Raudah Al-Amin Sdn. Bhd.; Titian Travel & Tours Sdn. Bhd.; At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd.; Dar El-Ehsan Travel & Tours Sdn. Bhd.; Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd.; Balurih Travel Sdn. Bhd. dan As-Safa Travel & Tours Sdn. Bhd.

Dimaklumkan juga bahawa senarai terkini agensi-agensi pelancongan yang dibenarkan untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Haji dan Pakej Umrah (Visa Umrah dan Visa Pelancong Arab Saudi) bolehlah disemak melalui laman sesawang rasmi KHEU [mora.gov.bn](http://mora.gov.bn) atau Facebook atau berhubung terus ke Jabatan Urusan Haji melalui talian +673 2384478 dan e-mel [juh.kheu@mora.gov.bn](mailto:juh.kheu@mora.gov.bn).

Sehubungan itu, orang ramai yang berhasrat untuk menuaikan ibadat haji atau umrah bolehlah mengikuti dan berhubung terus dengan agensi - agensi pelancongan yang dibenarkan tersebut.

Walau bagaimanapun, hanya 10

TUNGKU LINK, Isnin, 3 Februari. - Seramai 112 pelajar yang terdiri daripada murid Tahun 2 hingga Tahun 5 menyertai program Kelas Tuisyen Pengukuhan Pelajaran Ugama, dan ia adalah julung-julung kalinya diadakan di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini, baru-baru ini.

Hadir dan seterusnya merasmikan program berkenaan, Pengguna Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat, yang juga selaku Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Atur cara turut diisikan dengan ceramah ringkas daripada Penolong Pensyarah Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Muhammad Khairul Azhar bin Haji

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Idris yang antara lain menyampaikan mengenai ilmu yang wajib dipelajari oleh orang Islam.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan penyampaian surat lantikan dan sijil bagi tenaga pengajar Kelas Pengukuhan Pelajaran Ugama Sesi 2025 yang disempurnakan oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid.

Kelas tuisyen berkenaan adalah kelas tambahan yang bertujuan untuk membantu para pelajar dalam menambah nilai ilmu pengetahuan ugama Islam di samping mengimarahkan lagi masjid berkenaan.

Tenaga pengajarnya terdiri



CERAMAH ringkas daripada Penolong Pensyarah Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

daripada lima orang yang dilantik oleh Imam Masjid UBD, Awang Abdul Muhamimin bin Dr. Haji Serbini.

جایزہ چولچا بروہی دارالسلام

**BDMD**  
Brunei Darussalam  
Meteorological  
Department

NEGERI DIANTARA BERSAMA-SAMA

● ● ● ● ●

**PANDU DENGAN PERLAHAN.  
KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J  
AKAN MENYEBABKAN KENDERAAN  
AWDA MELUNCUR**

Perkara ini akan berlaku apabila tayar kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan

21:49

68

100 140

f bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

## 24 agensi pelancongan dibenarkan kendali Pakej Umrah

AGENSI-AGENSI PENGENDALI PERKHIDMATAN PAKEJ HAJI DAN PAKEJ UMRAH MENGIKUT KATEGORI PAKEJ DAN VISA

BIL	NAMA SYARIKAT	TEMPOH KEBENARAN	PAKEJ HAJI	PAKEJ UMRAH [ VISA UMRAH ]	PAKEJ UMRAH [ VISA PELANCONG ARAB SAUDI ]
1	DARUSSALAM SERVICES SDN BHD.	3 TAHUN [ 1446 HIJRAH HINGGA 1448 HIJRAH ]	✓	✓	✓
2	STRAITS CENTRAL AGENCIES (B) SDN BHD.		✓	✓	✓
3	CONTINENTAL YACHTING SDN BHD.		✓	✓	✓
4	RAUDAH AL-AMIN SDN BHD.		✓	✓	✓
5	TITIAN TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✓	✓	✓
6	AT-TAQWA TRAVEL TOURS SDN BHD.		✓	✓	✓
7	DAR EL EHSAN TRAVEL SDN BHD.		✓	✓	✓
8	AL-HIJRAH TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✓	✓	✓
9	BALURIH TRAVEL SDN BHD.		✓	✓	✓
10	AS-SAFAH TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✓	✓	✓
11	AL ABRAY TRAVEL & TOURS SDN BHD.	1 TAHUN [ 2025 MASIHI ]	✗	✗	✓
12	ALEIA VOYAGES SDN BHD.		✗	✗	✓
13	AL-HAJAT TOURS & TRAVELS AGENCY SDN BHD.		✗	✗	✓
14	AL-HARAMAIN BIL IMAN TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✗	✗	✓
15	AL-MIQAT TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
16	FIRDAUS AL-MUNAWWARAH TRAVEL SERVICES SDN BHD.		✗	✗	✓
17	GHUFTRAN TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✗	✗	✓
18	HAYYA TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✗	✗	✓
19	HUMAIRA TRAVEL CENTRE (BORNEO) SDN BHD.		✗	✗	✓
20	HURRIYAH TRAVEL SERVICES SDN BHD.		✗	✗	✓
21	IJTIHAD TRAVEL SDN BHD.		✗	✗	✓
22	LAMISA INTERNATIONAL TOURS & TRAVELS SDN BHD.		✗	✗	✓
23	MADULI AGENCY TRAVEL SDN BHD.		✗	✗	✓
24	MUSTAQIM TRAVEL & TOURS SDN BHD.		✗	✗	✓

( Dikemaskini pada 4 Sya'ban 1446H bersamaan 3 Februari 2025 )



## BELIA TABAH SAHUT CABARAN SHELL ECO-MARATHON DI DOHA, QATAR



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Hazri bin Haji Kifle semasa sesi bergambar ramai dengan para pelajar yang akan menyertai Shell Eco-marathon Asia Pacific and Middle East 2025 di Doha, Qatar.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Selasa, 4 Februari. - Universiti Brunei Darussalam's (UBD) Shell Eco - marathon Organisation (SEMO) sekali lagi menyahut cabaran bagi menyertai Shell Eco-marathon Asia Pacific and Middle East 2025, yang akan diadakan di Doha, Qatar dari 8 hingga 12 Februari 2025.

Pasukan yang diberi nama Belia Tabah, terdiri daripada 10 pelajar dalam bidang kejuruteraan, sains, dan perniagaan tersebut, bertekad untuk meneroka batasan reka bentuk kenderaan yang cekap

tenaga.

Para pelajar yang menyertai Shell Eco-marathon Asia Pacific and Middle East 2025 ialah Awang Mohammad Hifdzur Azmi bin Haji Mohd. Zain; Awang Ahmad Muzakker bin Haji Khalid; Awang Iman bin Abdul Walid; Awang Muhammad Aqil Nuruddin bin Janeil; Awang Muhammad Ikhwan Syazwan bin Mohamad Azrin; Dayang Raihani binti Mohammad Rafie; Dayang Amal Nabillah binti Awg Haji Abd. Aziz; Dayang Helena Shea binti Harun; Dayang Nur Amni Imanina binti Haji

Narudin dan Dayang Fatin Amanina binti Awang Haji Abd. Azis.

Kesemua pelajar akan dipimpin oleh Dr. Muhammad Abid dan Pengiran Haji Baharuddin bin Pengiran Haji Abdul Momin di acara tersebut nanti, manakala Dr. Quentin Cheok dari dalam negeri.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Sebelum berlepas, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Ugama UBD, Awang Haji Muhammad Dzulhilmi bin Haji Moharefandi.

Dr. Hazri memuji para pelajar yang terlibat di atas dedikasi mereka yang berterusan dan bangga dengan penyertaan mereka pada pertandingan tersebut sekali lagi.

"Komitmen mereka terhadap inovasi dan kelestarian adalah sangat terpuji, dan kami percaya mereka akan memamerkan bakat dan kepintaran Negara Brunei Darussalam di pentas global," ujarnya.

Persiapan yang ketat telah dilakukan selama berbulan-bulan untuk memperhalusi aerodinamik kenderaan, kecekapan tenaga, dan reka bentuk keseluruhan.

Tekad pasukan untuk memperbaiki pencapaian sebelumnya adalah bukti penekanan UBD terhadap penyelidikan, kelestarian dan inovasi.

Sokongan kewangan dan teknikal untuk UBD SEMO adalah daripada penaja utama, termasuk Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. (BSP), Brunei Shell Marketing Company Sdn. Bhd. (BSM), Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN), Shell E&P Brunei (SEPB) dan lain-lain.

Sumbangan mereka telah membolehkan pasukan untuk meningkatkan kenderaan mereka dan memperoleh wawasan berharga untuk pertandingan tersebut.

Pengurus pasukan, Awang Mohammad Hifdzur Azmi, menyatakan, "Kembali ke Shell Eco-marathon adalah peluang

yang menarik bagi kami untuk membina pengalaman terdahulu.

"Pertandingan ini terus mencabar kami, dan dengan sokongan UBD, penaja kami, keluarga, dan masyarakat, kami bersedia untuk memberikan prestasi terbaik kami."

Salah seorang pemandu pasukan, Awang Ahmad Muzakker berkongsi harapannya terhadap cabaran yang akan datang, "Memandu untuk Belia Tabah dalam Shell Eco-marathon adalah satu penghormatan dan merupakan tanggungjawab besar.

"Matlamat kami adalah untuk mendorong had kecekapan tenaga sambil mengekalkan keselamatan dan prestasi. Saya amat teruja dan bersedia untuk memberikan usaha terbaik saya di trek," ujar Awang Ahmad Muzakker.

Shell Eco-marathon adalah pertandingan yang diiktiraf secara global bagi menguji kemampuan pasukan pelajar untuk mereka membina dan memandu kenderaan dengan kecekapan tenaga tertinggi. Ia menggalakkan kerja berpasukan, kreativiti, dan pencarian penyelesaian pengangkutan yang mampan.

Ketika pasukan Belia Tabah memulakan perjalanan ini, negara berdiri di belakang mereka dengan bangga, berharap untuk satu lagi prestasi yang cemerlang. Penyertaan mereka menekankan komitmen UBD terhadap kecemerlangan kejuruteraan dan inovasi mampan di pentas antarabangsa.

## MINDA PEMBACA

### Kepimpinan bermula dari diri sendiri

**K**EPIMPINAN adalah keupayaan untuk mempengaruhi, memotivasi, dan membimbing orang lain ke arah mencapai matlamat bersama. Namun, sebelum seseorang dapat memimpin orang lain, kepimpinan perlu bermula dari diri sendiri. Ia melibatkan kesedaran diri, disiplin, dan komitmen untuk memperbaiki diri secara berterusan.

Kepimpinan diri bermula dengan mengenali kekuatan dan kelemahan diri. Seseorang perlu jujur dengan diri sendiri dan bersedia menerima maklum balas untuk memperbaiki kekurangan. Ini memerlukan keberanian untuk mengakui kesilapan

dan keazaman untuk belajar daripadanya. Selain itu, menetapkan matlamat yang jelas dan realistik juga merupakan elemen penting dalam kepimpinan diri. Dengan mempunyai visi yang jelas, seseorang dapat merancang langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencapainya.

Disiplin diri adalah kunci dalam kepimpinan diri. Tanpa disiplin, seseorang mudah tergelincir daripada matlamat yang ingin dicapai. Sebagai contoh, seorang pelajar yang bercita-cita tinggi perlu mengatur jadual belajar dengan baik dan konsisten mengikutinya. Begitu juga dalam kehidupan sehari-hari, sikap

bertanggungjawab terhadap tindakan sendiri menunjukkan kematangan dalam kepimpinan diri.

Selain itu, kepimpinan diri melibatkan keupayaan untuk mengurus emosi dan membuat keputusan yang bijak. Seseorang yang mampu mengawal emosinya dapat menangani cabaran dengan tenang dan rasional. Ini penting kerana pemimpin yang baik perlu menunjukkan teladan yang positif kepada orang lain.

Kesimpulannya, kepimpinan bermula dari diri sendiri adalah asas kepada kepimpinan yang berkesan. Dengan memimpin diri sendiri dengan

baik, seseorang bukan sahaja dapat mencapai kejayaan peribadi, tetapi juga memberi inspirasi kepada orang lain untuk melakukan perkara yang sama. Oleh itu, setiap individu perlu berusaha untuk menjadi pemimpin kepada dirinya sendiri sebelum memimpin orang lain.

Nama : Mohammad Abd Rasyid bin Hj Abd Karim  
No. K/P : 00-322XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

#### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Kesan Media Sosial Kepada Kanak-Kanak'. Tarikh Tutup : 5 Februari 2025
- 'Muhasabah Diri Amalan Terpuji'. Tarikh Tutup : 12 Februari 2025
- 'Semai Semangat Patriotisme'. Tarikh Tutup : 19 Februari 2025

#### Terma dan Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam  
atau melalui  
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang  
Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan Di  
Dalam

**Kelas:**  
II & III

**Kategori:**  
KA01 Kod Baharu

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 04 / CQS / 2025-T / II

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Pembekalan Dan  
Penghantaran Blok Konkrit Bagi  
Kawasan Tanah Susur – Fasa 2

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa,  
25 Februari 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
18 Mac 2025.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Kelas:**  
IV, V & VI

**Kategori :**  
KA01, B01 Kod Baharu

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 05 / CQS / 2025-TV

**Nama Projek:**  
Sekolah Maktab Sains Kuala  
Belait – Football Field And  
Running Track

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa,  
18 Februari 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
4 Mac 2025.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang  
Berdaftar Di Dalam

**Kelas:**  
V & VI sahaja

**Kategori :**  
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen  
Tawaran:**  
5 Februari 2025.

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Tidak lewat Selasa,  
25 Februari 2025.  
Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
4 Mac 2025.  
Tidak lewat jam 12.00  
Tengah Hari.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / BBA 02 / 2025

**Nama Projek:**  
Menaiktaraf Jambatan (Besi Ke  
Konkrit) – Pakej 3: Pembinaan

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)


**JABATAN PERTANIAN  
DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA  
PELANCONGAN**
**Pemberitahuan Tawaran**

**JPt / TAW / 21 / 2024-2025:**  
Pemeliharaan Saliran Ladang  
Bagi Kawasan Kemajuan  
Pertanian Di Daerah Brunei  
Muara Zone E Bagi Tempoh  
Dua (2) Tahun.  
(Yuran Tawaran BND30.00 |  
Borang Tawaran BND15.00)

**Tarikh  
Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
18 Februari 2025.  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.


**IKLAN**

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga:**  
S02 / HK-41 / 2025 / LABEL  
PASUKAN / KKBS / UP

**Tajuk Sebut Harga:**  
Membekal Dan Mencetak  
Serta Mengganti Logo  
Dan Nama-Nama Pasukan  
Perbarisan Sempena  
Perhimpunan Agong Sambutan  
Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam  
Ke-41,  
Tahun 2025

**Tarikh  
Tutup Tawaran:**  
Khamis,  
13 Februari 2025.  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.


**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**  
28 / NOV / 2024 / KKBS / PJK /  
16.80 (R)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Term Contract (24 Months) For  
Cleaning, Housekeeping and  
Upkeeping Works at Sinarubai  
Storage Area, Ministry of Culture,  
Youth and Sports, Negara Brunei  
Darussalam (Requotation)

**Bilangan Sebut Harga:**  
27 / NOV / 2024 / KKBS /  
PJK / 16.80

**Tajuk Sebut Harga:**  
Term Contract (24 Months) For  
Grass Cutting and Tree Cutting  
Works at Sinarubai Storage Area,  
Ministry of Culture, Youth and  
Sports, Negara Brunei  
Darussalam

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
6 Februari 2025.  
Jam 2.00 Petang,  
Khamis.



**Pusat Pembangunan Belia  
Kementerian Kebudayaan,  
Belia Dan Sukan**  
Negara Brunei Darussalam

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**  
08 / 2024 / KKBS / PPB / 05 (R)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Kontrak Penggal  
24 Bulan Bagi  
Pembekalan Dan Penghantaran  
Peralatan Asrama  
Di Pusat Pembangunan Belia,  
Kementerian Kebudayaan,  
Belia Dan Sukan,  
Jalan Utama Tanah Jambu,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup  
Sebut Harga:**  
Khamis,  
13 Februari 2025.  
Jam 2.00 Petang.


**Bilangan Sebut Harga**

**24 / OKT / 2024 / KKBS / PJK /  
16.14 (R)**

**Tajuk Sebut Harga:**  
Kontrak (36 Bulan)  
Pemeliharaan 3 Buah  
Lif Jenama 'Mitsubishi'  
Di Bangunan Kementerian  
Kebudayaan, Belia dan Sukan,  
Simpang 336-17,  
Jalan Kebangsaan,  
Brunei Darussalam  
(Requotation)

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
6 Februari 2025.  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.



**Kenyataan  
Tawaran Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**  
03 FEBRUARI 2025 /  
KKBS / HK / 3 (1) - 2025

**Tajuk Sebut Harga:**  
Penyewaan P.A Sistem  
Sempena Sambutan  
Ulang Tahun Hari  
Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam  
Kali Ke-41, Tahun 2025

**Tarikh Tutup  
Sebut Harga:**  
Khamis,  
13 Februari 2025.  
Jam 2.00  
Petang.


**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**  
06 / KKBS / HK41-2025

**Tajuk Sebut Harga:**  
Membekal Air Minuman  
Bagi Peserta Dan  
Jawatankuasa-Jawatankuasa  
Bagi Upacara Sambutan  
Hari Kebangsaan Ke-41,  
Negara Brunei Darussalam

Supply Mineral  
Water For Participants  
And Committees For  
The 41st National Day  
Celebration Ceremony,  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup  
Sebut Harga:**  
6 Februari 2025.  
Jam 2.00 Petang,  
Khamis.





## JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2024 – 2025 / 39

**Tajuk Tawaran:**  
"Lawatan Suai  
Kenal Bagi Lawatan  
Ejen-Ejen Pelancongan  
Daripada Balikpapan,  
Indonesia Pada  
19 - 22 Februari 2025"

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis,  
6 Februari 2025.  
Jam 2.00 Petang.



**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2024 – 2025 / 36

**Tajuk Tawaran:**  
Renovation And Upgrading  
Works At Ground Floor,  
Marketing And Promotion Division,  
Tourism Development  
Department, Ministry Of Primary  
Resources And Tourism

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis,  
13 Februari 2025.  
Jam 2.00 Petang.



**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2024 – 2025 / 40

**Tajuk Tawaran:**  
"Event Management  
Services for Brunei  
Coffee Trail Promotion  
Event in Miri, Sarawak,  
Malaysia"

**Tarikh  
Tutup Tawaran:**  
Khamis,  
6 Februari 2025.  
Jam 2.00 Petang.



### UNISSA / SB0070 / 2024 / 2025

Supply, Delivery, Installation,  
Configuration, Testing,  
Commissioning, Warranty and  
Maintenance of RFID  
(Radio Frequency Identification)  
System for Universiti Islam Sultan  
Sharif Ali (UNISSA) Library

### UNISSA / SB0071 / 2024 / 2025

Supply and Deliver Heavy Duty  
Paper Cutting / Trimming Machine  
for Centre Of Research and  
Publication, Universiti Islam  
Sultan Sharif Ali (UNISSA)

### UNISSA / SB0072 / 2024 / 2025

To Supply, Delivery, Installation,  
Configuration, Testing and  
Commissioning of P.A. System  
for Auditorium & Surau Sinaut  
Campus Universiti Islam Sultan  
Sharif Ali (UNISSA)

### UNISSA / SB0074 / 2024 / 2025

Supply, Delivery, Installation,  
Testing, Commissioning and  
Training of Accounting System for  
Tabung Universiti Islam Sultan  
Sharif Ali (UNISSA) Finance

### Tarikh Tutup Tawaran:

Sabtu,  
15 Februari 2025.  
2.00 Petang.



## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Bilangan dan Rujukan  
Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2024 /  
LB / TA / 046

Pembakan Dan Baik Pulih  
Kenderaan Bagi 84 Unit  
Kenderaan Jenis IVECO 1 Tan  
Kepunyaan Unit-Unit Angkatan  
Bersenjata Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian  
Borang Tawaran adalah  
**lima (5) hari** sebelum tarikh  
tutup tawaran, iaitu  
**Khamis,  
13 Februari 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
18 Februari 2025.  
2.00 Petang.



## PEMBERITAHUAN TAWARAN

**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / RC / 197 (5)  
Supply Of Ration Food Packet  
for The Royal Brunei Armed  
Forces – Five (5) Years  
Contract

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh terakhir  
bagi pembelian  
Borang Tawaran adalah  
Selasa,  
25 Februari 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa.  
11 Mac 2025.  
2.00 Petang.



## JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**  
JAIN / 8 / 2001 / II

**Tajuk Sebut Harga:**  
Membekalkan Barang  
Pencetak Lexmark,  
Jabatan Adat Istiadat Negara

**Bilangan Sebut Harga:**  
JAIN / 24 / 1983 / II / 3 - 2025 (01)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Membekalkan Coat dan Trousers  
Bagi Pegawai dan Kakitangan  
Jabatan Adat Istiadat Negara

**Tarikh Tutup / Jam:**  
18 Februari 2025.  
Selasa.  
(9.00 Pagi)

**Tempat Menghantar  
Sebut Harga:**  
Peti Sebut Harga,  
Jabatan Adat Istiadat Negara,  
Bandar Seri Begawan BS8610,  
Negara Brunei Darussalam.



## JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

**Kenyataan Tawaran**

**Bilangan Sebut Harga:**  
(170) INFO / PK / K /  
7(2024-2025)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Pembekalan Dan Penghantaran  
Software Microsoft Office IMAC

**Bilangan Sebut Harga:**  
(171) INFO / PK / K /  
7(2024-2025)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Pembekalan Dan Penghantaran  
Adobe Creative Cloud

**Yuran:**  
Tidak Dikenakan Bayaran

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
6 Februari 2025.  
Jam 8.00 Pagi.

**Tarikh Tutup Tawaran:**

Sabtu,  
15 Februari 2025.  
2.00 Petang.



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)



- IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKU MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 07 / 2025 / ESTETMOH (TC)

**Keterangan:**  
Preventive Maintenance Services For Effluent Decontamination System, Autoclave CCTV And Access Control System At Clinical Molecular Diagnostics Laboratory For Infectious Diseases (CMDLD) For Period Of Three (3) Years

**Eligibility for Tenderers:**  
Registered with Ministry of Health and Ministry of Development

**Kelas:**  
II atau above

**Kategori:**  
M01, M03 dan E01

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 08 / 2025 / HTD (TC)

**Keterangan:**  
The Provision Of Maintenance Services For HD Integra / Coremed Equipment For Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 09 / 2025 / PPN(TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medical Consumable Items For Department Of Dental Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 10 / 2025 / PPN(TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medical Consumable Items For Department Of Dental Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 11 / 2025 / PPN(TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Dental (Oral Surgery And Others) Consumable Items For Department Of Dental Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 12 / 2025 / PPN(TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medical Consumable Items For Department Of Dental Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 13 / 2025 / UPP(TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Medical Items (Cardiac Implantable Electronic Device (CIED) For Department Of Cardiology, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS Hospital) For A Period Of Five (5) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 14 / 2025 / SSBH(TC)

**Keterangan:**  
Transportation Services For Suri Seri Begawan Hospital, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 15 / 2025 / ESTETMOH (TC)

**Keterangan:**  
Three (3) Years Term Contract For Maintenance And Repair Electrical Services Under Brunei Muara District Services, Health Centres And Clinics

**Eligibility for Tenderers:**  
Registered with Ministry of Health and Ministry of Development

**Kelas:**  
II or above

**Kategori:**  
E01 and E02

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 16 / 2025 / HTD

**Keterangan:**  
Provision Of Compact Endoscopy System For Otorhinolaryngology Department, For PMMPMHAMB Hospital, Tutong And PIHM Hospital, Temburong, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 17 / 2025 / UPP(TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Medical Consumables For Obstetrics And Gynaecology Clinic, Women And Children Centre, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 18 / 2025 / LAB

**Keterangan:**  
To Supply And Deliver Pneumococcal Serotyping With Phase Contrast Microscope For National Clinical Microbiology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 19 / 2025 / PHARM

**Keterangan:**  
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 18 Februari 2025.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
Satu [01] Tahun Perkhidmatan Pengawalan Keselamatan

Bangunan-Bangunan Dan Premis-Premis Jabatan Penerbangan Awam AVSEC / 2024-2025 / SH-15

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
Satu [01] Tahun Perkhidmatan Pengawalan Keselamatan

Aset / Bangunan Jabatan Penerbangan Awam Di Kawasan Tapak Terpencil (Remote Site) AVSEC / 2024-2025 / SH-16

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
Satu [1] Tahun Perkhidmatan Pengawalan Keselamatan Operasi-Operasi

Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei AVSEC / 2024-2025 / SH-17

**Kepada:**  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam

**Tarikh iklan / mengambil dokumen Sebut Harga:**  
5 Februari 2025.  
Rabu.

**Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga:**  
18 Februari 2025.  
Selasa.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
19 Februari 2025.  
Rabu  
(sebelum jam 2.00 Petang)



**JABATAN PERKHIDMATAN  
ELEKTRIK  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran**  
**Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / PDP / 003 / 2025

**Tajuk:**  
Provision Of Manpower For Low Voltage Remedial Works In Brunei-Muara For Three (3) Years

**Kelayakan:**  
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas 3, 4 Atau 5, dalam Kategori E02 & E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E02 DAN E03.

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / PDP / 099 / 2024

**Tajuk:**  
Laying MV Underground Cable For Mile 4, MIS Madewa & MIS Simpang Bengkurong

**Kelayakan:**  
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas 3, 4 Atau 5, dalam Kategori E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E03.

**Tempat Tutup:**  
"Tender Box"  
Pengerusi  
Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri  
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan, BB3913 Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup:**  
25 Februari 2025.  
Selasa,  
Jam 2.00 Petang.

**Harga Dokumen:**  
BND100.00  
Tidak Dikembalikan



# NORWEGIAN SKY BERLABUH KEMBALI KE NBD

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan



KAPAL persiaran Norwegian Sky semasa berlabuh di Pelabuhan Muara (atas), sementara gambar kanan, sebahagian pelancong kapal persiaran berkenaan.

**MUARA**, Isnin, 3 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) terus menjadi destinasi pilihan kapal persiaran apabila Norwegian Sky membuat pelayaran ke NBD dengan berlabuh di Pelabuhan Muara, hari ini.

Kapal persiaran Norwegian Sky tiba dari Kota Kinabalu, Malaysia dengan keramaian 1,927 penumpang dan 865 anak kapal sebelum meneruskan pelayarannya ke Cam Ranh, Viet Nam.

Atur cara mereka termasuk

lawatan yang menampilkan mercu tanda ikonik seperti Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Istana Nurul Iman, Kampong Ayer yang bersejarah dan berkesempatan menelusuri sungai bakau (*mangrove river*).

Mereka juga berpeluang menyaksikan warisan budaya NBD serta menikmati hidangan tradisional di rumah tempatan di Kampong Ayer dan membeli cenderahati unik. Beberapa pengunjung berkongsi keterujaan mereka tentang penginapan mereka yang singkat tetapi tidak



dapat dilupakan.

Anna Baylosis dari Virginia, Amerika Syarikat berkongsi lawatannya ke Kampong Ayer yang sangat menarik. Semasa menelusuri sungai bakau, beliau berpeluang melihat dengan lebih dekat monyet dan buaya serta menikmati teh tempatan serta makanan istimewa di rumah tepi sungai.

Sementara itu, Bernardo Molina dari Filipina terpikat dengan kecantikan NBD menyatakan NBD sebagai destinasi pelayaran yang semakin digemari dan

berkongsi daya tarikan yang sama. Dawn Angela Barr dari Kanada menyifatkan lawatan ke Kampong Ayer sebagai cara yang indah dan memperkaya untuk mengalami gaya hidup unik.

Ketibaan semula Norwegian Sky menyerlahkan lagi daya tarikan NBD yang semakin meningkat dalam kalangan pengendali dan pengembawa pelayaran antarabangsa dan sekali gus mengukuhkan reputasi NBD sebagai destinasi pelayaran yang semakin digemari dan

meningkat.

Ini menandakan ketibaan ketiga daripada sekurang-kurangnya 11 kapal persiaran yang dijangkakan pada tahun 2025. Norwegian Sky akan terus bersedia untuk membuat lawatan terakhirnya ke negara ini pada 14 Februari 2025 sekali gus meletakkan NBD secara beransur-ansur sebagai sebuah destinasi untuk laluan pelayaran dan menawarkan pengalaman unik untuk menggalakkan lagi kapal persiaran untuk kembali semula ke negara ini.

## Pertandingan Pidato pupuk kemahiran berbahasa, pemikiran kreatif



PENOLONG Rektor (Hal Ehwal Akademik), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad hadir selaku tetamu kehormat Pertandingan Pidato Piala Canselor 2024/2025 di antara Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPT).

(IPT) di Dewan Auditorium, Kampus Gadong, UNISSA, baru-baru ini.

Kejohanan tersebut menyaksikan penyertaan dari empat institusi pengajian tinggi iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), UNISSA, Universiti Teknologi Brunei (UTB), dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Hadir selaku tetamu kehormat sekali gus menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Penolong Rektor (Hal Ehwal Akademik), UNISSA, Profesor Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad.

Dayang Syafiqah Mumtazah binti Haji Mohd. Arriffen dari UBD dinobatkan sebagai juara setelah berjaya mengumpul markah tertinggi dalam kejohanan tersebut.

Naib juara disandang oleh Dayang Noraffah binti Haji Latif dari KUPUSB, manakala, Dayang Nuraqilah binti Mardi dari UNISSA memperoleh tempat ketiga.

Pertandingan Pidato Piala Canselor bertujuan untuk memupuk kemahiran bahasa, pemikiran kreatif dan juga sebagai platform untuk mengembangkan bakat terpendam dan menguji keberanian para peserta.

Selain itu, acara tersebut juga merupakan salah satu usaha dalam memperkuatkan ikatan silaturahim antara pelajar dari pelbagai IPT.



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**GADONG**, Selasa, 4 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus berusaha dalam memupuk kemahiran berbahasa dan pemikiran kreatif dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi melalui penganjuran Pertandingan Pidato Piala

Canselor 2024/2025 di antara Institusi-institusi Pengajian Tinggi



ANTARA peserta yang menyertai pertandingan berkenaan (kiri dan kanan).

# OPERASI PPDB TEMUI BARANG TEGAHAN

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Februari. - Polis Marin (POLMAR), Jabatan Gerakan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah berjaya mematahkan satu percubaan penyeludupan barang tegahan melalui perairan negara, baru-baru ini.

Dalam kejadian tersebut, sebuah bot peronda POLMAR telah mengesan sebuah perahu mencurigakan bergerak laju tanpa menggunakan lampu, menuju ke kawasan kampung. Bertindak atas kecurigaan tersebut, POLMAR segera mengejar dan menjelaki perahu tersebut.

Menyedari kehadiran bot penguat kuasa, suspek bertindak mlarikan diri dengan memasuki kawasan bawah perumahan di kawasan Kampong Ayer. Suspek seterusnya sempat membuang muatan yang dibawa ke kawasan hutan bakau sebelum mlarikan diri.

Berikutkan insiden itu, satu operasi bersepada bersama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) telah digerakkan bagi mengesan bot suspek serta kotak-kotak yang dibuang. Hasil pemeriksaan di lokasi kejadian, beberapa kotak yang ditinggalkan suspek telah ditemui. Siasatan lanjut mendapati kotak-kotak tersebut mengandungi barang tegahan iaitu 1,000 karton rokok berlainan jenis. Kesemua barang tegahan telah diserahkan kepada pihak JKED untuk tindakan lanjut.

POLMAR akan terus mempergiatkan rondaan serta operasi bagi membanteras sebarang aktiviti jenayah yang menggunakan perairan negara. Orang ramai juga diseru untuk memberikan kerjasama dengan melaporkan sebarang kegiatan yang mencurigakan demi memastikan keselamatan dan keamanan perairan Negara Brunei Darussalam terus terpelihara.



KOTAK-kotak yang dibuang ditemui pada operasi bersepada berkenaan.



## Lelaki tempatan dihukum atas kesalahan rogol

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Februari. - Mahkamah Tinggi hari ini menjatuhkan hukuman penjara 25 tahun dan enam bulan kepada seorang lelaki tempatan atas kesalahan merogol cucunya yang berusia enam tahun.

Pesuruhjaya Kehakiman, Yang Arif Awang Muhammed Faisal bin Pehin Datu Juragan Laila Diraja Dato Seri Pahlawan Haji Kefli memutuskan hukuman berkenaan selepas defendan yang berusia 51 tahun berkenaan mengaku bersalah terhadap satu pertuduhan.

Mengikut pertuduhan, defendan didakwa merogol mangsa yang ketika itu berusia enam tahun pada Januari 2023 di salah sebuah bilik tidur rumah berkenaan.

Bapa kepada 10 orang anak berkenaan didakwa di bawah Bab 376(3)(c) Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Defendan merupakan seorang ketua keluarga dan juga merupakan nenek lelaki sebelah ibu kepada mangsa, Dayang X. Kejadian tersebut dilakukan ketika defendan dan Dayang X tinggal serumah, bersama ahli keluarga yang lain.

Penderaan seksual berkenaan terbongkar apabila ibu mangsa menyedari mangsa berkelakuan pelik. Apabila ditanya oleh ibunya tentang perubahan tingkah lakunya, Dayang X kemudian menceritakan kepada ibunya dan mendedahkan perbuatan keji defendan terhadapnya.

Ibu Dayang X segera membuat laporan polis, yang membawa kepada siasatan yang terperinci yang dijalankan oleh Unit Siasatan Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei.

Siasatan polis berjaya mengumpulkan bukti yang kukuh daripada Dayang X, saksi-saksi lain dan juga laporan ginekologi Dayang X.

Timbalan Pendakwa Raya, Nor 'Adliatul Hidayah binti Haji Mohd. Zaidi, telah memanggil lapan saksi, termasuk Dayang X.

Meramandangkan usia Dayang X yang sangat muda dan keterbatasannya, keterangan beliau dalam perbicaraan telah diperoleh melalui keterangan lisan serta rakaman video temu bual yang diambil semasa siasatan polis.

Dalam hujahnya, pihak pendakwaan menekankan faktor-faktor yang memburukkan dalam kes berkenaan. Pihak Pendakwaan menekankan pelanggaran kepercayaan yang sangat besar oleh defendan sebagai nenek lelaki kepada Dayang X, yang mengeksplorasi kelemahan Dayang X disebabkan oleh usia beliau yang masih muda.

Selain itu, kejadian berkenaan berlaku di rumah keluarga mereka, tempat di mana Dayang X seharusnya dilindungi dan berasa selamat.

Oleh kerana defendan berusia di atas 50 tahun, di bawah Bab 258, Kanun Peraturan Jenayah Penggal 7, defendan adalah terkecualia daripada menerima sebatan. Oleh yang demikian, Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman penjara enam bulan sebagai ganti bagi hukuman sebat.

Dalam menjatuhkan hukuman penjara 25 tahun dan enam bulan, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman menyatakan bahawa hukuman berat berkenaan adalah sebagai pengajaran kepada defendan dan orang lain mengenai keseriusan jenayah rogol sumbang mahram.

## Miliki rokok : Lelaki warga asing didenda

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Februari. - Seorang lelaki warganegara Cina dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND8,400 atau lapan bulan pemenjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret, Hajah Normazdina binti Haji Md. Maskub menjatuhkan hukuman tersebut di Mahkamah Majistret, hari ini, setelah Jin En, berusia 43 tahun mengaku bersalah kerana memiliki 105 batang rokok pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah.

Defendan ditangkap oleh Pegawai-pegawai Pemeriksa Kastam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada 30 Januari 2025. Kesemua barang yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

**Selera KAMPONG Kitani**



Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

## Puding Coklat Kampung Jaya Setia

### BAHAN-BAHANNYA :

80g serbuk coklat (brand Oligo)  
Separuh (5g) paket serbuk agar-agar (brand Nazri)  
50g coklat block  
50ml susu cair

50g susu manis  
400ml air

### CARA MEMASAK :

Campur semua bahan dan masak atas api sederhana

sehingga mendidih.  
Tuangkan dalam acuan.  
Biarkan dalam 45 minit.  
Boleh susun dalam paper cup.  
Simpan dalam peti sejuk untuk rasa lebih sedap.

# MASJID KAMPUNG MENTIRI ANJUR MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Berita dan Foto : Ihsan Jemaah Tadarus Al-Quran Subuh Masjid Kampung Mentiri

**MENTIRI**, Isnin, 3 Februari. — Jemaah Tadarus Al-Quran Subuh Masjid Kampung Mentiri baru-baru ini mengadakan Majlis Khatam Al-Quran selepas tamatnya bacaan 30 juzuk Al-Quran secara berjemaah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai dan bacaan Surah Ad-Dhuha sehingga Surah An-Nas yang dikepalai oleh Ketua Imam Masjid Kampung Mentiri, Awang Haji Sanip bin Haji Nasar yang juga membacakan Doa Khatam dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis yang diselenggarakan oleh Ahli-ahli Tadarus Al-Quran Subuh Masjid Kampung Mentiri berkenaan adalah bertujuan untuk sama-sama memeriahkan lagi Sambutan Israk dan Mikraj di samping mengimarahkan lagi masjid berkenaan.



PARA Jemaah Tadarus Al-Quran Subuh Masjid Kampung Mentiri semasa sesi bergambar ramai pada Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan pada masjid berkenaan.

## Kahwin campur jalin perpaduan pelbagai komuniti



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Februari. — Perkahwinan campur merupakan ikatan perkahwinan antara individu daripada latar belakang kaum, etnik, atau agama yang berbeza. Perkara ini semakin berkembang dalam masyarakat moden dan memainkan peranan penting dalam menjalin perpaduan antara pelbagai komuniti.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), perkahwinan campur bukanlah sesuatu yang jarang terjadi, malah ia perkara yang biasa khususnya perkahwinan di antara orang Melayu dan Cina.

NBD selentunya mempunyai masyarakat yang harmoni dengan menyaksikan interaksi antara kaum Melayu, Cina, dan lain-lain adalah perkara biasa. Walaupun sesetengah keluarga lebih konservatif, ramai yang semakin menerima perkahwinan campur, terutama jika pasangan berkongsi nilai yang sama.

Dalam perkara mengenai perkahwinan campur antara Islam dan bukan Islam, undang-undang Islam di NBD menghendaki pasangan bukan Islam untuk memeluk agama Islam sebelum perkahwinan dapat dilangsungkan.

Dalam pendekatan Pelita Brunei mengenai perkahwinan campur di negara ini, Dayang Pong Bee Thing dari Kampung Rimba semasa ditemui juga bersetuju dengan perkahwinan campur menjadi perkara biasa di NBD.

Malah anak lelaki sulungnya sendiri telah memilih wanita berbangsa Melayu yang cantik, lemah lembut, menghormati orang lain, dan sangat berpegang teguh

kepada agama, sebagai pasangan hidupnya.

Menurutnya, perkahwinan campur melambangkan kekayaan dalam menggabungkan dua budaya yang penuh warna-warni.

Majlis nikah dan sanding tambahnya, diadakan sebagai sebahagian daripada tradisi Melayu, manakala Upacara Minum Teh pula adalah sebagai penghormatan kepada budaya Cina.

Jelasnya lagi, Upacara Minum Teh Cina yang diadakan pada hari ini adalah versi ringkas kerana terdapat lebih banyak elemen dalam upacara berkenaan yang telah dipilih untuk tidak disertakan.

"Namun, memandangkan majlis ini bertepatan dengan Tahun Baharu Cina, kami telah menyertakan tarian singa untuk menjadikan acara ini lebih meriah dan bermakna."

"Saya berharap tradisi ini akan terus diwarisi oleh generasi akan datang dan buat masa ini, saya menantikan kehadiran cucu-cucu yang dwibahasa dan berbilang budaya," ujarnya lagi.

Pada Upacara Minum Teh Cina berkenaan, antara set teh cina (*chinese tea set*) yang digunakan adalah set berusia lebih 60 tahun dan kini digunakan oleh generasi ketiga keluarga Dayang Pong Bee Thing.

Bagi memeriahkan acara, turut diadakan ialah tarian singa dari Kuala Belait yang memukau para jemputan yang hadir.

Perkahwinan campur bukan sahaja menggalakkan pasangan untuk memahami dan menghormati adat, budaya, serta

kepercayaan satu sama lain tetapi perlu ada sikap toleransi bagi memperkuat hubungan dalam keluarga, sekali gus membantu membentuk masyarakat yang lebih harmoni.

Selain itu, anak-anak hasil daripada perkahwinan campur cenderung membesar dalam persekitaran yang lebih terbuka dan menghargai kepelbagaiannya kerana mereka berpeluang menguasai lebih daripada satu bahasa serta memahami adat resam daripada kedua-dua belah keluarga, sekali gus memperkayakan identiti mereka.

Apabila dua keluarga daripada latar belakang berbeza bersatu melalui perkahwinan, mereka akan lebih kerap berinteraksi dan mengenali satu sama lain. Hal ini dapat mengurangkan salah faham serta stereotaip negatif yang mungkin wujud dalam masyarakat.

Di samping itu, perkahwinan campur juga boleh membuka peluang dalam sektor sosial dan ekonomi, kerana hubungan antara komuniti yang berbeza mampu memperluaskan jaringan

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PERKAHWINAN campur bukanlah sesuatu yang jarang terjadi, perkara yang biasa khususnya perkahwinan di antara orang Melayu dan Cina (kiri dan atas).

perniagaan, pendidikan, serta kerjasama dalam pelbagai bidang.

Perkahwinan campur bukan sekadar penyatuan dua individu, tetapi turut memainkan peranan besar dalam memperkuuh

perpaduan masyarakat.

Dengan sikap terbuka dan saling menghormati, perkahwinan campur dapat menjadi pemangkin kepada sebuah negara yang lebih bersatu padu dan harmoni.

ایکسپو ٹھاچین تیغکی ٢٠٢٥

EKSPO PENGAJIAN TINGGI 2025

Tarikh:

8 Februari 2025

10:00 pagi - 5:00 petang

&

9 Februari 2025

9:00 pagi - 5:00 petang

Tempat:

Dewan 1 dan Dewan 2, BRIDEX Jerudong

کشور ٹھاچین تیغکی  
KEMENTERIAN PENDIDAKAN  
**EKSPO**  
PENGAJIAN KE  
TINGGI 10  
**2025**

جایزہ ٹھاچین تیغکی  
JABATAN PENGAJIAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENDIDAKAN  
NEGERI BRUNEI DARUSSALAM



# PELAJAR JIS CAPAI KECEMERLANGAN DALAM PEPERIKSAAN IGCSE

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong



JERUDONG, Isnin, 3 Februari. - Dua pelajar Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) mencatat pencapaian luar biasa mereka menerima Anugerah Outstanding Pearson Learner Awards (OPLA) dari Pearson Education International GCSE selepas meraih markah tertinggi di Negara Brunei Darussalam (NBD)

dalam peperiksaan berkenaan bagi Tahun 2024, baru-baru ini.

Dhanushan Chinniah dan Mintong Li masing-masing mencapai markah tertinggi untuk kelayakan Pearson Edexcel International GCSE Mathematics A mereka.

Di samping itu, Mintong Li memperoleh markah tertinggi di NBD untuk lima subjek IGCSE iaitu Chemistry, Economics, English Language A, English Literature dan Physics. Sementara Dhanushan Chinniah memperoleh markah tertinggi dalam Further Pure Mathematics dan Geografi.

Pengetua Eksekutif JIS, Nicholas Sheehan mengulas beliau amat berbangga dengan pelajar JIS dengan pencapaian luar biasa mereka mencerminkan dedikasi dan sokongan dari keluarga serta guru mereka.

"Kami amat berbangga dengan Dhanushan Chinniah dan Mintong Li, dan kami berharap dapat menyaksikan kejayaan berterusan mereka di JIS pada tahun-tahun akan datang," ujarnya.



PENGETUA Eksekutif Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS), Nicholas Sheehan semasa sesi bergambar bersama Dhanushan Chinniah dan Mintong Li (atas dan atas kiri).

## Operasi Waspada kesan 3 kesalahan majikan



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Februari. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Waspada 16 / 2025 di Kampung Lambak 'B', Jalan Pasir Berakas (kiri dan kanan).

BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh semasa menjalankan Operasi Waspada 16 / 2025 di Kampung Lambak 'B', Jalan Pasir Berakas (kiri dan kanan).

majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan perkhidmatan pembuangan sampah telah mendapat sebanyak tiga kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan iaitu Bab 70, majikan gagal memberikan cuti hari kelepasan awam yang diwartakan, Bab 72, gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan dan 112(2), kesalahan melanggar lesen syarat-syarat Lesen Pekerja Asing iaitu jawatan pembersih melakukan kerja pentadbiran.

Bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika



sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebijakan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278

seperti memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang telah diwartakan, memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan dan memberikan pekerjaan selaras dengan jawatan yang dibenarkan.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

**IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP**

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja



**SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR**

**DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR**

- ✗ Melengkapsikan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapsikan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

BARU



Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.



Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

Pengiraan  
PENGIRIAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA

Cergos ini hanya mengakibatkan bilangan maklumat di dalam PSCR, osa adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan. Ing. Jawatan yang ditawarkan ini adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan.

Sila memastikan bahawa maklumat di dalam PSCR, osa adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan. Ing. Jawatan yang ditawarkan ini adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan.

PENGIRIAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA



## Lahirkan belia proaktif, berinisiatif, kreatif

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim  
Foto : Ihsan Jabatan Belia dan Sukan

**K**ERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berusaha membangun belia di negara ini, salah satu daripadanya dengan memberikan perhatian melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti belia. Dalam hal ini, Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Kem Asuhan Minda Belia yang melibatkan penuntut - penuntut yang menunggu keputusan Peperiksaan G.C.E. 'O' Level dari seluruh negara.

Kem Asuhan Minda Belia buat julung kalinya diadakan pada tahun 2023. Hasil dari kajian selidik yang dibuat pada tahun berkenaan mendapat kebanyakan peserta merasa keyakinan diri mereka meningkat; berani menyuarakan pendapat selain mendapat kawan-kawan baharu. Golongan belia yang dilibatkan akan melangkah ke zaman keremajaan mereka yang sudah setentunya dikuasai dengan semangat ingin tahu dan seterusnya ingin membuat sesuatu yang baru serta mencabar kredibiliti mereka. Program diadakan buat kali kedua pada tahun ini, bermula 21 hingga 24 Januari lalu

dengan penyertaan seramai 38 orang peserta.

### Tujuan

Selain untuk mengisi masa lapang belia khususnya yang sedang menunggu keputusan peperiksaan 'O' Level, Kem Asuhan Minda Belia juga bertujuan untuk memberikan peluang berinteraksi melalui aktiviti jati diri, alam sekitar, kerohanian dan kepimpinan, berkongsi peluang melalui perbincangan dan pembentangan kajian di luar sekolah sebagai salah satu cara pembelajaran informal. Dengan menyertai kem ini juga para peserta berpeluang mengetahui serta mempelajari lagi cara hidup kebruneian melalui percakapan, bahasa dan sebagainya. Di samping itu kem ini juga bertujuan untuk menanamkan sikap saling bantu membantu dan tolong menolong dalam mengendalikan sesuatu aktiviti atau cabaran yang akan dilalui.

### Aktiviti

Pelbagai aktiviti menarik telah disusun sepanjang kem diadakan iaitu Sembahyang Berjemaah dan Membaca Surah Yaa Siin; sesi suai kenal, kerja dan perbincangan kumpulan dan berpasukan; pembentangan aktiviti yang telah dijalankan; mendengar kuliah / ceramah Maghrib dan Subuh di

Masjid Omar 'Ali Saifuddien. Para peserta kem juga mendengarkan taklimat mengenai JBS, Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 serta aplikasi Mengalinga. Juga diselitkan ialah kerja sukarela dan membuat amal iaitu membersihkan tanah perkuburan orang-orang Islam bagi peserta lelaki dan memasak bubur kacang bagi peserta perempuan yang kemudiannya disedekahkan ke masjid yang berdekatan. Selain itu aktiviti kembara malam iaitu menerokai Bandar Seri Begawan (BSB) pada waktu malam sambil membuat aktiviti kepimpinan telah diubah pelaksanaannya di kawasan Pusat Belia sahaja memandangkan cuaca yang tidak mengizinkan.

Juga menarik sepanjang kem diadakan adalah aktiviti Kenali Bandar Kitani iaitu peserta kem telah menerokai BSB dengan membuat lawatan ke bangunan-bangunan lama dan bersejarah di sekitar BSB. Peserta kem diberikan tugas dengan menemuramah beberapa soalan dan melakukan kerja sukarela di bangunan jabatan yang mereka kunjungi antaranya ialah Pejabat Pos Besar, Bangunan Sekretariat, Bangunan Pusat Sejarah Brunei, Bangunan Jabatan Hal Ehwel Syariah dan Tamu Kianggeh.

Aktiviti Meriki Bandar ku mengehendaki setiap kumpulan diberikan tugasan seperti mengenali nama tempat dan sejarah untuk dibuatkan rakaman video. 'Kongsi

Pengalaman Dengan Pemimpin Daulu' iaitu menjemput pemimpin atau orang yang pernah menabur jasa dan pernah aktif dengan kegiatan kebeliaan sebagai sumber inspirasi kepada belia masa kini dengan mengundang Awang Haji Metussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba dan Awang Iswandy bin Ahmad. Sukan dan Rekreasi juga turut diselitkan dalam menjaga kesihatan dan mental para peserta. Lawatan sambil belajar ke Jabatan Adat Istiadat Negara dan Jabatan Bomba dan Penyelamat BSB juga turut diadakan sebagai nilai tambah ilmu dan kemahiran mereka.

### Harapan

JBS berharap para peserta akan menjadi seorang yang proaktif, berinisiatif dan kreatif serta berani menyuarakan pendapat. Membentuk rangkaian persahabatan secara informal dan menjadi agen perubahan kebaikan kepada sekolah masing-masing dan mampu membentuk belia yang lebih bertanggungjawab dan berdikari serta menggunakan masa dengan membuat aktiviti yang berfaedah. Selain itu, jabatan juga berharap akan dapat menambah keahlian dan menarik minat belia bagi mengikuti kelab dan menjadi sukarelawan di Pusat-pusat Belia di keempat-empat daerah.



# 20 GURU SERTAI KURSUS ASAS GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING



**SEKITAR** Kursus Asas Guru Bimbingan dan Kaunseling bagi guru-guru Persekolahan Arab dan Ugama yang dikendalikan oleh Unit Perkhidmatan Kaunseling, Bahagian Pentadbiran, Jabatan Pengajian Islam (JPI) (atas dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BERAKAS**, Selasa, 4 Februari. – Seramai 20 orang guru menyertai Kursus Asas Guru Bimbingan dan Kaunseling bagi guru-guru Persekolahan Arab dan Ugama yang dikendalikan oleh Unit Perkhidmatan Kaunseling, Bahagian Pentadbiran, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kursus tersebut dilaksanakan selama tujuh hari bermula hari ini, bertempat di Bilik Persidangan, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop.

Kursus diselenggarakan oleh tiga orang pegawai dari Unit Perkhidmatan Kaunseling, JPI selaku fasilitator iaitu Pegawai Kaunseling, Hajah Dayang Masiryanti binti Haji Awang

Mashor; Penolong Pegawai Kaunseling, Awang Emran bin Haji Abdul Rani/Ranee; dan Pegawai Perantis Kaunseling, Awang Abdul Hakim bin Omar.

Program antara lain bertujuan memupuk ke arah memelihara kesejahteraan warga sekolah serta menangani isu sosial dan kesihatan mental di samping untuk memberi pendedahan dan pengetahuan yang diperlukan dalam membantu para pelajar khususnya dan juga warga sekolah yang memerlukan bimbingan.

**SEBAHAGIAN** daripada yang hadir menyertai kursus berkenaan yang berlangsung di Bilik Persidangan, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop.




ALAI PINTAR
SOALAN 142

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Bukit Shahbandar terletak di daerah mana?
  - a) Daerah Belait
  - b) Daerah Brunei Muara
  - c) Daerah Temburong
2. Kita mesti \_\_\_\_\_ barang orang yang kita pinjam.
  - a) buang
  - b) kembalikan
  - c) simpan
3. Awang Ahmad membeli 10 buah buku rujukan. Ketebalan sebuah buku ialah 8mm. Cari jumlah ketebalan buku itu dalam cm.
  - a) 7cm
  - b) 8cm
  - c) 9cm

**TARIKH TUTUP : 15 FEBRUARI 2025**

## HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.  
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

### PEMENANG ALAI PINTAR 141 :

Nama : Nur Aleesa Khaira binti Md. Khairof  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0136998-01. Sekolah : Sekolah Rendah Dato Othman  
Nama : Mohamad Eshan bin Mohamad Esra  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0125658-01. Sekolah : Sekolah Rendah Jerudong  
Nama : Muhammad Irfan Anaqi bin Abdul Ghafib  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0149173-01. Sekolah : Bright Jigsaw School

### JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 141

1. C - 31 hari
2. B - 1 Muharam
3. C - Ahli geologi

# UNISSA ANJUR PROGRAM DIGITAL DETOX DAY

SESI bergambar ramai pada Program Digital Detox Day yang membawakan tema 'Reset & Refresh : Skrindi Sisi, Hidup Beraksi' di Kampus UNISSA, Gadong

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Februari. - Kumpulan Al-Qudwah Sesi 2024 / 2025, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah berjaya menganjurkan Program Digital Detox Day yang membawakan tema 'Reset & Refresh : Skrindi Sisi, Hidup Beraksi' di Kampus UNISSA, Gadong, baru-baru ini. Program ini juga turut disokong dan diadakan bersempena Day of Action.

Seramai 41 pelajar telah menyertai program yang dikendalikan oleh Unit Kemasyarakatan dan Sukarelawan, Kumpulan Al-Qudwah Sesi 2024 / 2025. Ia termasuk 20 peserta daripada para pelajar UNISSA yang terdiri daripada 10 lelaki dan 10 perempuan bersama 21 Ahli Kumpulan Al-Qudwah Sesi 2024 / 2025.

Antara aktiviti yang dilaksanakan dalam program ini termasuk aktiviti Brisk Walking dan sukan ria yang



bertujuan untuk memberi manfaat kepada kesihatan fizikal peserta.

Selain itu, sesi perkongsian tentang Digital Detox Day disampaikan oleh Dr. Hajah Ummi Faizah binti Haji Abdul Rahman yang membincangkan tentang kepentingan mengadakan Digital Detox Day serta cara mengendalikan media sosial dan alat digital dalam Islam dan beliau juga mengongsikan perkara-perkara bermanfaat yang boleh dilakukan daripada hanya menghabiskan masa di media sosial.

Di samping itu, Sesi

Masak-masak Santai turut diadakan di mana para peserta berpeluang untuk memasak bubur kacang yang kemudiannya dibungkus dan diagihkan kepada jemaah Surau Balai Polis Gadong sebagai sebahagian daripada amal jariah.

Pada sebelah petang pula, Ahli Kumpulan Al-Qudwah dan peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk sesi bergotong-royong membersihkan kelas-kelas di UNISSA.

Sebanyak 32 set sumbangan wakaf, termasuk penyapu dan penyut telah disampaikan kepada

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

21 buah kelas dan tempat-tempat lain di UNISSA Gadong serta Sinaut. Sumbangan ini hasil derma daripada warga UNISSA dan orang ramai yang bertujuan untuk memudahkan kerja-kerja pembersihan serta memastikan pelajar dapat belajar dalam suasana yang bersih dan selesa.

Program ini dianjurkan untuk memberi ruang kepada peserta agar dapat berehat seketika daripada penggunaan telefon bimbit dan peranti elektronik serta menggalakkan interaksi sosial,

aktiviti fizikal dan kesedaran diri tanpa gangguan digital.

Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kesejahteraan mental dan fizikal peserta, selain menggalakkan mereka untuk mengimbangi penggunaan teknologi dalam kehidupan sehari-hari.

Pada penghujung program, sumbangan barangan kebersihan tersebut diserahkan secara rasmi kepada setiap kelas sebagai simbolik penyempurnaan inisiatif berkenaan.

## Basic Marshal Program : Bantu melahirkan penunggang motosikal berdisiplin



Basic Marshal Program Siri 01/2025 telah dikendalikan oleh PEMODA Marshal Project Team dan dihadiri seramai 35 ahli PEMODA.



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Februari. - Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) baru-baru ini menganjurkan Basic Marshal Program Siri 01/2025 yang bertujuan membantu melahirkan para penunggang motosikal yang berpengetahuan, beretika, berdisiplin dan berhemah.

Program berkenaan diadakan di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanil Bolkiah, Berakas.

Antara pengisian program termasuk asas keselamatan 5P,

SUASANA pada program berkenaan.

■ Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Ihsan Persatuan Motosikal Darussalam

teknik asas menunggang secara solo dan berkumpulan, marshal, pertolongan kecemasan, praktikal, asas menaiki motosikal, asas pusingan, asas mengangkat motosikal, asas pengendalian secara perlahan, asas memberhentikan motosikal, dan teknik mengangkat motosikal.

Program kali ini dikendalikan oleh PEMODA Marshal Project Team dan dihadiri seramai 35 ahli PEMODA.

Matlamat program adalah bagi mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengurangkan

kadar kemalangan jalan raya selain menyampaikan asas keselamatan menunggang motosikal di negara ini.

Diharapkan dengan adanya program berkenaan agar dapat menjadikan semua penunggang motosikal di negara ini bagi sama-sama menimba ilmu pengetahuan dalam membentuk penunggang motosikal yang berkualiti.

Program berkenaan diselanjurkan dengan penyampaian lencana khas kepada ahli-ahli Marshal Project Team oleh Yang Dipertua PEMODA, Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad.



ePaper Pelita Brunei



## UBD JUARA KEJOHANAN BOLA SEPAK CHANCELLOR'S TROPHY



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali semasa sesi bergambar ramai pada Kejohanan Bola Sepak Chancellor's Trophy bagi Tahun 2024 / 2025 antara Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang berlangsung di Padang Bola Sepak, Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Berakas.

**Siaran Akhbar dan Foto :** Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BERAKAS,** Isnin, 3 Februari. - Pasukan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dinobatkan sebagai juara dalam Kejohanan Bola Sepak Chancellor's Trophy bagi Tahun 2024 / 2025 antara Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang berlangsung di Padang Bola Sepak, Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam

(FABD), Berakas, baru-baru ini. Naib juara disandang oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) manakala, Universiti Teknologi Brunei (UTB) memperoleh tempat ketiga setelah menewaskan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) dalam perlawanan penentuan tempat

ketiga dan keempat.

Hadir selaku tetamu kehormat sekali gus menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Sementara itu, Penjaring Gol terbanyak dimenangi oleh Naeem Shareef dari UNISSA, Penjaga Gawang Gol Terbaik juga dimenangi oleh Abdul Mudzil bin

Ahmad Saufi dari UBD dan Pemain Terbaik Seluruh Pertandingan (MVP) dimenangi oleh Mohammad Alif Azizi bin Haji Abdullah dari UBD.

Kejohanan Chancellor's Trophy merupakan anjuran UNISSA yang mana kejohanan ini menyaksikan penyertaan daripada empat IPT iaitu UBD, UNISSA, UTB dan KUPUSB.

Kejohanan Bola Sepak ini

secara tidak langsung dapat mengukuhkan nilai kerjasama dan disiplin di antara para pelajar yang bertanding. Selain itu, pertandingan bola sepak ini juga dapat memberi kesedaran kepada para peserta untuk sentiasa aktif dan mengamalkan gaya hidup sihat.

Turut hadir, Pegawai-pegawai Utama UNISSA dan para jemputan daripada IPT yang lain.

## Wakil negara perlu tunjuk profesionalisme, integriti, tingkah laku terpuji

**Siaran Akhbar :** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 3 Februari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) merujuk kepada mengenai insiden melibatkan beberapa pemain bola sepak kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) semasa Perlawanan Persahabatan FIFA Days di Persekutuan Rusia dari 12 hingga 18 November 2024.

Hasil daripada siasatan menyeluruh yang dijalankan secara berasingan oleh KKBS dan FABD dan susulan beberapa konsultasi di antara KKBS dan FABD, tindakan disiplin tegas telah diambil terhadap individu yang didapati melanggar peraturan, kod etika dan garis panduan yang ditetapkan.

Tindakan disiplin yang diambil termasuk pengantungan sementara daripada mewakili pasukan kebangsaan untuk tempoh maksimum dua tahun, khidmat masyarakat mandatori serta penyertaan

mandatori dalam Program Khidmat Bakti Negara bagi mengikuti Program Jati Diri yang bersesuaian bagi memperkuatkannya nilai disiplin dan akauntabiliti.

Walau bagaimanapun, individu yang terlibat masih dibenarkan untuk bermain mewakili kelab dalam perlawanan antarabangsa di dalam negara serta mewakili kelab dalam perlawanan liga kebangsaan.

KKBS menegaskan bahawa semua atlet, pegawai pasukan dan persatuan sukan bertanggungjawab untuk mengekalkan tahap disiplin yang tinggi sama ada di dalam atau di luar negara.

Mewakili NBD dalam arena sukan adalah satu keistimewaan yang membawa tanggungjawab untuk berkhidmat kepada negara. Oleh itu, mereka diharapkan untuk sentiasa menunjukkan profesionalisme, integriti dan tingkah laku yang terpuji.

KKBS juga menekankan bahawa

tanggungjawab sebagai wakil negara bukan sahaja melibatkan kecemerlangan di padang tetapi juga di luar padang dengan menghormati serta mematuhi disiplin, etika, dan nilai-nilai yang mencerminkan identiti NBD sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja.

KKBS sekali lagi menegaskan bahawa sebarang pelanggaran etika dan disiplin akan dikenakan tindakan tegas. Semua atlet dan pegawai persatuan diingatkan agar sentiasa mematuhi peraturan, undang-undang, dan kod etika yang mengawal selia penyertaan di peringkat kebangsaan, demi memastikan nama baik dan imej NBD sentiasa terpelihara.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Siaran Akhbar KKBS bertarikh 8 Oktober 2024 Masihi (4 Rabiuulakhir 1446 Hijrah) dan 18 November 2024M (16 Jamadilawal 1446H), KKBS tetap teguh dalam komitmennya untuk melahirkan atlet yang bertanggungjawab, berdisiplin serta berintegriti, yang bukan sahaja menjadi contoh teladan tetapi turut menyumbang

secara positif kepada masyarakat dan komuniti sukan secara keseluruhan.

FABD tetap komited terhadap standard tertinggi dalam integriti, ketelusan dan profesionalisme bagi semua aspek permainan. Oleh itu, FABD ingin mengingatkan semua pemain, jurulatih, pegawai, kelab dan rakan kerjasama tentang tanggungjawab mereka untuk mematuhi Kod Etika FABD, Kod Etika FIFA dan yang paling penting, undang-undang NBD. Sebarang bentuk salah laku, rasuah, *match-fixing*, diskriminasi atau tingkah laku tidak beretika tidak akan diterima.

FABD seterusnya menggesa semua pemain, jurulatih, pegawai, kelab dan rakan kerjasama untuk sentiasa bersikap profesional dan melaporkan sebarang pelanggaran peraturan ini melalui saluran yang betul.

Kegagalan mematuhi standard etika dan undang-undang ini boleh mengakibatkan tindakan disiplin, termasuk pengantungan, denda atau tindakan undang-undang seperti yang ditetapkan oleh pihak yang berkuasa.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**BERSYUKUR ITU TANDA KEIMANAN**